

**DEWAN
NEGARA**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHANDRA MOHAN A/L S.THAMBIRAJAH

TARIKH : 22.6.2015

SOALAN:

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Kementerian bercadang untuk menyelesaikan isu kanak-kanak tanpa kerakyatan yang kini dihalang untuk memperolehi pendidikan asas, memandangkan ini adalah bertentangan dengan peruntukan Konvensyen United Nations Convention on the Rights of the Child (CRC), terutamanya dengan hak mendapatkan pendidikan wajib dan percuma di peringkat sekolah rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan peluang dan hak kanak-kanak di Malaysia mendapat pendidikan, termasuk kanak-kanak tanpa kerakyatan. Walau bagaimanapun, tiada kanak-kanak tanpa kerakyatan yang bersekolah di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Ini berdasarkan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah).

Sehubungan dengan itu, KPM telah menggubal Dasar Pendidikan Alternatif bagi menyelaras segala usaha dan inisiatif daripada pelbagai pihak dalam menyediakan pendidikan asas kepada kanak-kanak tersebut. Di antara usaha Dasar Pendidikan Alternatif yang dirancang dan dilaksanakan oleh KPM ialah:

1. Menyelaras usaha menyediakan pendidikan asas kepada kanak-kanak yang terlibat;
2. Menetapkan mekanisme pelaksanaan pendidikan alternatif oleh semua agensi terlibat;
3. Menyediakan modul asas kemahiran membaca, menulis dan mengira;
4. Menyediakan modul asas kepada program kemahiran hidup; dan
5. Menggalakkan usaha sama antara agensi kerajaan dan swasta.

KPM telah mewujudkan kerjasama pintar dengan pelbagai agensi termasuk agensi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Kerajaan Negeri, pihak swasta dan badan bukan kerajaan berhubung peluang pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak tersebut. Walau bagaimanapun, dalam hal penyediaan pendidikan bagi kanak-kanak tanpa kerakyatan ini, KPM akan merujuk kepada arahan yang tertakluk di bawah Majlis Keselamatan Negara dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

NJM1

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED
TARIKH : 22.6.2015

SOALAN:

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peratus kelulusan mata pelajaran bahasa Inggeris mengikut negeri dan bandar serta luar bandar juga status pelaksanaan bahasa Inggeris sebagai subjek wajib lulus pada tahun 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratusan kelulusan bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris **bagi bandar** pada tahun 2012 ialah 82.7 peratus, 84.4 peratus tahun 2013 dan 82.5 peratus pada tahun 2014. Manakala **bagi luar bandar** kelulusan Bahasa Inggeris ialah 69.2 peratus pada tahun 2012, 73.7 peratus tahun 2013 dan 69.8 peratus tahun 2014.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menggariskan pelaksanaan Bahasa Inggeris sebagai subjek wajib lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2016. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris dalam kalangan guru dan murid terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Bagi memastikan murid lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM, Kementerian akan memberi peluang kepada murid yang gagal Bahasa Inggeris dalam SPM untuk menduduki peperiksaan ulangan kertas tersebut.

NJM2

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. CHIA SONG CHENG
TARIKH : 22.6.2015

SOALAN:

Tuan Chia Song Cheng minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk memastikan keselamatan sekolah terpelihara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius dan sentiasa memantau isu keselamatan sekolah terutamanya keselamatan murid-murid melalui peraturan dan panduan yang sedang dikuatkuasakan. Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh KPM dalam memastikan aspek keselamatan sekolah terpelihara ialah:

1. mengeluarkan **buku Konsep dan Manual Sekolah Selamat** pada tahun 2002 sebagai panduan kepada pihak sekolah untuk mewujudkan sekolah selamat;
2. memastikan sekurang-kurangnya dua orang pengawal keselamatan sentiasa menjalankan tugas mereka pada setiap sesi persekolahan;
3. memastikan pihak sekolah melaporkan segala kerosakan bangunan sekolah yang mengancam keselamatan murid di sekolah, di samping mengambil langkah intervensi bagi menjamin keselamatan murid; dan
4. semua urusan berkaitan dengan murid perlu dirujuk kepada pentadbir sekolah terlebih dahulu bagi menjamin keselamatan murid.

NJM3

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK YOO WEI HOW
TARIKH : 22.6.2015

SOALAN:

Datuk Yoo Wei How minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kementerian untuk menubuhkan sebuah majlis yang akan mengawal selia dan menentukan dasar pendidikan TVET di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan daripada Makmal Pendidikan Teknik dan Latihan Vokasional (TVET) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tahun 2014, Jawatankuasa Induk TVET (JKI TVET) telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPM. Di bawah JKI TVET terdapat empat (4) jawatankuasa kerja iaitu Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus Dasar dan Artikulasi; Jawatankuasa Kerja Kurikulum & Akreditasi; Jawatankuasa Kerja Sumber; dan Jawatankuasa Kerja Hubungan Industri & Komuniti. JKI TVET bertanggungjawab mengawal selia dan menentukan dasar pendidikan TVET sementara JK kerja TVET pula bertanggungjawab terhadap penyelarasan dan pelaksanaan TVET di institusi TVET di bawah KPM iaitu Kolej Vokasional, Kolej Komuniti, Politeknik dan *Malaysia Technical Univeristy Network* (Jaringan Univesiti Teknikal Malaysia).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh RMKe-11, Kerajaan akan menubuhkan Majlis Pembangunan Modal Insan Negara. Majlis ini ditubuh berdasarkan model Majlis Ekonomi yang akan menetapkan hala tuju dasar pembangunan modal insan, menentukan keutamaan inisiatif, dan menyelaras tindakan merentasi semua pihak berkepentingan dalam sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan Kerajaan. Keanggotaan Majlis ini bukan sahaja terdiri daripada beberapa orang Menteri dan pelaksana daripada agensi berkaitan, tetapi akan turut diwakili oleh pihak swasta dan industri utama.

NJM4

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH
BIN ABU SHAH**

TARIKH : 22.6.2015

SOALAN:

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha-usaha dan inisiatif Kerajaan bagi meningkatkan kedudukan "ranking" Universiti Awam Malaysia di kalangan Universiti-universiti di dunia ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu, saya bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin mengucapkan terima kasih di atas keperihatinan Ahli Yang Berhormat kerana telah membangkitkan perkara yang berkaitan dengan pembangunan pendidikan negara. Terdapat tiga (3) pertanyaan yang berhubung kait dengan ranking universiti iaitu **YB Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim bin Abu Shah** (soalan 1), **YB Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad** (soalan 19) dan **YB Senator Tuan Koh Chin Han** (soalan 21). Oleh itu, izinkan saya untuk menjawab soalan yang dibangkitkan secara serentak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberi perhatian kepada soal ranking universiti dalam negara bagi melihat sekiranya ia dapat dibantu bagi memperbaiki kedudukannya dalam senarai ranking universiti terbaik dunia. Sudah menjadi kelaziman bahawa penarafan yang baik oleh agensi penarafan global bagi sesebuah universiti akan dapat mencerminkan kualiti penyampaian pendidikan yang tinggi di institusi berkenaan bagi menarik lebih ramai pelajar dan pensyarah terbaik dunia untuk memilih universiti berkenaan. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT), penarafan antarabangsa adalah bermanfaat untuk meningkatkan lagi keterlihatan (*visibility*) global universiti tempatan dan meletakkan Malaysia di mata dunia sebagai hab pendidikan antarabangsa.

Menyedari akan potensi institusi pendidikan tinggi (IPT) untuk melonjakkan lagi pencapaian dalam aspek ranking, pelbagai usaha dan inisiatif telah diambil oleh pihak Kementerian dalam memperbaiki dan memperkukuh ranking IPT bagi menarik minat pelajar dari negara lain untuk belajar di Malaysia. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Menanda aras (*benchmarking*) dengan IPT di negara yang mempunyai pemetaan sosioekonomi dan sosiobudaya yang hampir sama;
2. Menyerlahkan bidang kebitaraan (*niche area*) dan kecemerlangan di IPT tempatan;
3. Memantapkan aktiviti penyelidikan, penerbitan, pembelajaran dan pengajaran (PdP), pembangunan pelajar serta jaringan industri dan komuniti di IPT; dan
4. Memperkasa *Malaysian Research University Network* (MRUN) secara kolektif bagi mengenal pasti kekuatan *niche area* masing dan saling melengkapi dalam pelbagai bidang.

Dengan usaha-usaha di atas, kita lihat beberapa kejayaan telahpun kita perolehi. Sebagai contohnya, **Thomson Reuters** telah mengiktiraf empat (4) orang Profesor tempatan sebagai Minda Saintifik Paling Berpengaruh Dunia. Daripada segi penerbitan pula, bagi tahun 2010, penerbitan kita telah mengatasi negara Singapura. Penerbitan dalam Perbankan Islam oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia juga ialah yang terbaik di dunia. Kita juga mempunyai 537 pensyarah yang berkelulusan daripada 20 universiti terbaik dunia. Sebagai contoh, 101 pensyarah lulusan University Cambridge, 93 dari Imperial College London dan 71 orang daripada Oxford University.

Daripada segi *ranking by subject* pula, dua (2) bidang berada dalam kalangan 50 terbaik di dunia; iaitu bidang Pengajian Pembangunan (*Development Studies*) Universiti Malaya (UM) di kedudukan ke-32 dunia dan bidang Sains Alam Sekitar (*Environmental Science*) Universiti Sains Malaysia (UMSM) di kedudukan ke-31 dunia. Bidang kejuruteraan juga berada dalam kalangan 100 terbaik dunia.

Jika dilihat kepada keputusan QS *Ranking Asia*, UM telah meningkat dari tangga 32 ke 29, USM telah meningkat dari tangga 57 ke 49, Universiti Teknologi Malaysia meningkat dari tangga 66 ke 61 dan Universiti Putra Malaysia meningkat dari tangga 76 ke 66. Untuk makluman Dewan yang Mulia, QS Ranking merupakan agensi penarafan yang diiktiraf oleh International *Ranking Expert Group* (IREG). Manakala mengikut ranking negara atau *country ranking* pula, kedudukan negara telah meningkat dari tangga 28 dunia ke 27 dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya yakin dengan usaha yang dilaksanakan dan peningkatan yang telah ditunjukkan melalui penyelidikan, penerbitan, *ranking by subject* dan ranking Asia, prestasi pendidikan di negara ini akan terus meningkat ke tahap yang terbaik (*soaring upwards*).

NJM5

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' BOON SOM A/L INONG
TARIKH : 22.6.2015

SOALAN:

Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) bilangan pelajar keturunan Siam di Malaysia yang diterima melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi MARA sejajar dengan pengiktirafan Kerajaan bahawa masyarakat Siam adalah bumiputera seperti yang dinyatakan berulang kali di Dewan Negara ; dan
- (b) benarkah hingga kini belum ada seorang pun pelajar bumiputera Siam diterima untuk tujuan berkenaan, berdasarkan laman web universiti itu yang tidak memasukkan bangsa Siam sistem permohonan secara online. Jika benar, tidakkah ia bercanggah dengan dasar dan pengiktirafan yang dibuat oleh Kerajaan, serta tidak menghormati Parlimen sebagai institusi tertinggi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh tiga tahun bermula 2012 hingga 2014, terdapat seramai **1,075 orang** pelajar keturunan Siam yang melanjutkan pelajaran di 20 universiti awam seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, enrolmen pelajar berketurunan Siam bagi tempoh yang sama di Universiti Teknologi MARA (UiTM) adalah seramai **33 orang**. Oleh itu, adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa tiada pengambilan pelajar UiTM yang berturunan Siam, selaras dengan statistik yang dinyatakan.

NJM6

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI NALLA K. S.
TARIKH : 22.6.2015

SOALAN:

Datuk Seri Nalla K. S. minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian menilai perkembangan serta kemajuan sesebuah sekolah swasta atau sekolah integrasi. Apakah kayu ukur yang digunakan dan bagaimana perbandingan dibuat dengan sekolah bantuan penuh Kerajaan. Adakah Kementerian mempunyai satu badan seperti OFSTED di United Kingdom untuk menilai sekolah-sekolah seperti ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) sentiasa memeriksa tahap kualiti sesebuah sekolah kerajaan secara berkala dengan menggunakan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) 2010. Walau bagaimanapun tiada sebarang perbandingan dibuat antara sekolah kerajaan dengan sekolah swasta / sekolah Integrasi.

Bahagian KPM yang fungsi hampir sama seperti OFSTED ialah JNJK. Walau bagaimanapun, JNJK bukanlah badan bebas seperti OFSTED dan berada di bawah kawalan pentadbiran Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Namun, semua hasil pemeriksaan di institusi pendidikan dilaporkan terus kepada Menteri Pendidikan untuk penambahbaikan.

Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, JNJK disasar akan menjadi satu entiti bebas yang diberi keluwesan beroperasi dan bebas melapor untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara.

NJM7

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK DR. LUCAS UMBUL
TARIKH : 22.6.2015

SOALAN:

Datuk Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah syarat keperluan supaya anak tempatan dari Sabah dan Sarawak yang bukan dari jurusan pendidikan menjadi guru sandaran dikaji dan seterusnya memberikan peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perguruan di IPG atau universiti berkaitan supaya menjadi guru berkelayakan dan bertauliah dalam bidang Perguruan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2012, pelantikan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) tidak lagi dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM perlu memberi keutamaan kepada graduan pendidikan keluaran semasa yang telah diunjurkan latihannya untuk mengisi jawatan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) DG41 yang terhad.

Namun perlu ditegaskan bahawa dasar KPM adalah tidak mengabaikan peluang kepada mana-mana pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) termasuk anak kelahiran Sabah dan Sarawak untuk memohon Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG). Pemilihan calon guru dibuat berasaskan kepada kriteria skor merit calon, jantina, bidang yang ditawarkan, lulus Ujian Inventori Sahsiah Keguruan (INSAK) dan diperaku oleh panel temu duga.

KPM akan membuat pendekatan khas untuk calon Sarawak dan Sabah daripada segi **syarat asas akademik** kemasukan ke PPISMP di IPG daripada lima (5) Gred Cemerlang di peringkat SPM kepada hanya **enam (6) Gred Kepujian** termasuk Bahasa Melayu serta lulus Bahasa Inggeris **khususnya** kepada calon anak Penan di Sarawak dan calon anak Orang Asli/Pedalaman. Mereka juga akan menjalani proses pemilihan "ranking" mengikut negeri masing-masing dan ditemu duga dalam kalangan

mereka sahaja. Sementara pelantikan Panel Penemuduga akan diberi keutamaan kepada panel tempatan

NJM8

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK KADZIM M. YAHYA
TARIKH : 22.6.2015

SOALAN:

Datuk Kadzim M. Yahya minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan semasa lawatan ke Lahad Datu pada Mac 2013, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran telah mengumumkan persetujuan untuk membina dewan serbaguna di Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Kencana Lahad Datu tetapi hingga kini tiada tindakan yang dibuat. Bilakah pembinaan dewan serbaguna yang telah diumumkan itu akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia, melalui Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri telah menyenarai projek pembinaan dewan serbaguna SMK Desa Kencana Lahad Datu, Sabah dalam senarai cadangan projek RMKe-11. Walau bagaimanapun, kelulusan projek adalah bergantung keperluan dan kedudukan kewangan kerajaan.

NJM9

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. WILFRED YONG CHEN LEONG
TARIKH : 22.6.2015

SOALAN:

Tuan Wilfred Yong Chen Leong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan memperkenalkan secara penuh pembelajaran bahasa ketiga di sekolah-sekolah kebangsaan dan berapakah jumlah guru bahasa yang diperlukan bagi tujuan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 turut memperakukan kepelbagaian Malaysia yang unik dan warisan berbilang budaya memberikan kelebihan daya saing kepada semua. Pada masa ini, sesetengah sekolah kebangsaan juga menyediakan peluang untuk mempelajari bahasa ketiga seperti bahasa Cina, Tamil, Arab, Iban, dan Kadazan Dusun. Pada peringkat menengah, peluang ini diperluas untuk meliputi bahasa antarabangsa lain. Selepas jangka masa tertentu, semua murid akan digalakkan untuk belajar sekurang-kurangnya tiga (3) bahasa bagi membolehkan mereka bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan dalam kalangan rakyat Malaysia dan juga negara jiran dalam dunia global masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menjalankan Kajian Keperluan Penawaran Bahasa Ketiga. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti keperluan penawaran bahasa ketiga di sekolah berdasarkan permintaan murid, ibu bapa dan pentadbir sekolah serta kesediaan guru.

NJM10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD. SALIM BIN SHARIF
TARIKH : 23.6.2015

SOALAN:

Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan lagi program tanggungjawab sosial badan-badan korporat kepada sekolah-sekolah agar bidang pendidikan ini dapat dibangunkan bersama oleh semua pihak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (KPM) 2013 – 2015 di bawah Anjakan Ke-9 telah mewujudkan Inisiatif 66 iaitu Peluasan Pelibatan Sektor Swasta bagi menggalakkan pelibatan sektor swasta sebagai rakan dalam pendidikan. Melalui inisiatif ini, KPM akan memperluaskan lagi program tanggungjawab sosial badan korporat kepada sekolah melalui pelaksanaan tiga program yang melibatkan sektor swasta iaitu Program Sekolah Amanah, Program Sekolah Angkat dan Program *One-Off*.

Bagi tujuan meluaskan konsep kerjasama berkenaan, KPM sedang membangunkan dan memperincikan garis panduan, peraturan dan syarat berkaitan secara terperinci atau dikenali sebagai *sponsor kit* yang standard bagi tujuan penajaan program pendidikan oleh pihak korporat yang berminat dan bakal menjadi rujukan pihak yang ingin bekerjasama dengan KPM.

NJM11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK NG CHIANG CHIN
TARIKH : 23.6.2015

SOALAN:

Datuk Ng Chiang Chin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan reformasi polisi pendidikan perlu memberi tumpuan terhadap pertumbuhan inklusif yang akan membawa impak positif kepada golongan miskin, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Peruntukan pendidikan perlu ditingkatkan untuk mencapai tahap pendidikan berkualiti, kelayakan guru dan kemudahan sekolah lanjutan di kawasan luar bandar. Adakah kita akan mengintegrasikan keperluan minoriti Bumiputera di Sabah dan Sarawak dengan sewajarnya dalam pembentangan Rancangan Malaysia ke-11.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan mengambil usaha yang berterusan dalam inisiatif meningkatkan akses dan pembangunan pendidikan luar bandar, khususnya di Sabah dan Sarawak. Melalui RMKe-11, KPM melaksanakan perancangan pembangunan pendidikan lima (5) tahun dengan memberi keutamaan kepada menyediakan kemudahan pendidikan yang lebih kondusif kepada murid berdasarkan keperluan masyarakat setempat melalui projek pembinaan sekolah baharu, pembinaan bangunan tambahan, menaik taraf dan membaik pulih bangunan sekolah yang daif serta tidak selamat digunakan.

Selain daripada itu, KPM juga sentiasa berusaha menyediakan kemudahan asrama di sekolah harian bagi meningkatkan akses pendidikan bagi murid pedalaman di Sabah dan Sarawak. KPM juga memberi perhatian kepada kebajikan guru yang mengajar di kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak dengan menyediakan kemudahan rumah guru. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek pembangunan yang dirancang adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

KPM juga menyedari bahawa masih terdapat jurang pencapaian murid antara kawasan bandar dengan luar bandar dalam aspek pencapaian murid dalam bidang akademik. Oleh itu melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KPM berhasrat untuk mencapai lima (5) keberhasilan bagi sistem pendidikan Malaysia secara keseluruhan iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

Oleh yang demikian, semua faktor secara inklusif telah diambil kira termasuk isu berkaitan dengan ekuiti dan strategi untuk merapatkan jurang merapatkan jurang pencapaian antara bandar dengan luar bandar, tahap sosioekonomi dan juga pencapaian antara gender bagi memastikan pulangan impak yang positif. Usaha untuk meningkat kualiti pendidikan melalui transformasi pendidikan merupakan satu proses yang telah, sedang dan akan dilaksanakan.

NJM12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK S. VIGNESWARAN A/L M. SANASEE
TARIKH : 23.6.2015

SOALAN:

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) mengenai syarat pencapaian pendidikan bagi pelajar-pelajar asing untuk memasuki pusat pengajian tempatan dan kaedah penaaakulan pencapaian yang dijalankan terhadap pelajar-pelajar asing kerana kelayakan pelajar-pelajar tersebut tidak berdasarkan sistem pendidikan tempatan; dan
- (b) mengapakah pelajar-pelajar tempatan seolah-olah dipinggirkan dalam konteks ini sedangkan pencapaian yang dicapai oleh mereka adalah berdasarkan sistem pendidikan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melaksanakan penilaian taraf kelayakan akademik luar negara dengan kesetaraan kelayakan di Malaysia. Ia bertujuan untuk membantu institusi pendidikan tinggi (IPT) yang berhasrat mengambil pelajar dari luar negara untuk kemasukan ke IPT boleh diterima dan adalah setaraf dengan kelayakan Malaysia.

Penilaian taraf ini terbahagi kepada dua, iaitu kesetaraan kelayakan di peringkat pengajian tinggi mengikut *Malaysian Qualification Framework* (MQF) dan kelayakan persekolahan. Kelayakan persekolahan yang setara dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) boleh digunakan oleh pelajar untuk memohon ke program sijil (tahap 3, MQF) dan diploma (tahap 4, MQF) atau program asas (*foundation*) selama satu tahun sebelum melanjutkan pengajian ke ijazah sarjana muda (tahap 6, MQF). Selain itu,

pelajar yang memiliki kelayakan yang setara dengan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) boleh terus memohon melanjutkan pengajian ke ke ijazah sarjana muda (tahap 6, MQF). Dengan yang demikian, dapat dipastikan bahawa pelajar antarabangsa mengguna pakai taraf kelayakan luar negara yang telah dinilai taraf setara SPM mahupun STPM sebagaimana kelayakan masuk ke IPT bagi pelajar tempatan.

KPM sentiasa memberikan peluang yang seimbang kepada pelajar tempatan atau asing untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di negara ini berdasarkan kepada syarat kelayakan masuk yang telah ditetapkan.

NJM13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH
BIN ABU SHAH**

TARIKH : **23.6.2015**

SOALAN:

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa ramai mereka yang telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di setiap Universiti Awam mulai tahun 2010 hingga 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Buku Perangkaan Pendidikan Tinggi Negara, bagi tahun 2012, bilangan graduan PhD adalah seramai 2,064 orang. Manakala pada tahun 2013, bilangan graduan PhD adalah seramai 2,333 orang dan 2014 seramai 2,690 orang.

NJM14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. HOU KOK CHUNG
TARIKH : 23.6.2015

SOALAN:

Dato' Dr. Hou Kok Chung minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama yang telah diluluskan pengecualian membayar balik pembiayaan PTPTN bagi tahun-tahun 2012, 2013 dan 2014 mengikut pecahan kaum serta jumlah amaunnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pinjaman boleh ubah atau pengecualian bayaran balik bagi peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Kelas Pertama telah mula dilaksanakan pada tahun 2003. Langkah ini adalah atas keprihatinan Kerajaan untuk mengiktiraf pelajar-pelajar cemerlang di institusi pendidikan tinggi dan menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap usaha melahirkan modal insan yang berilmu, galakan kepada pelajar serta hasrat Kerajaan memberi ganjaran kepada peminjam yang cemerlang dalam pendidikan. Pecahan peminjam dan jumlah pelupusan bayaran balik mengikut tahun adalah seperti berikut:

- (a) Pada tahun 2012, seramai 1,251 peminjam bumiputera dan 2,375 peminjam bukan bumiputera telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama melibatkan pelupusan bayaran balik masing-masing berjumlah RM23.59 juta dan RM70.17 juta;
- (b) Pada tahun 2013, seramai 2,301 peminjam bumiputera dan 2,721 peminjam bukan bumiputera telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama melibatkan pelupusan bayaran balik masing-masing berjumlah RM42.77 juta dan RM86.69 juta; dan

- (c) Pada tahun 2014, seramai 1,782 peminjam bumiputera dan 1,303 peminjam bukan bumiputera telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama melibatkan pelupusan bayaran balik masing-masing berjumlah RM35.43 juta dan RM46.24 juta.

NJM15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. BATHMAVATHI KRISHNAN
TARIKH : 23.6.2015

SOALAN:

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada bekalan ubat-ubatan bagi pesakit serta perkhidmatan perubatan di hospital Pusat Perubatan Universiti Malaya akan terjejas memandangkan pemotongan sebanyak RM120 juta dari peruntukan bajet bagi tahun 2015 untuk hospital tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan keseluruhan Perbelanjaan Mengurus Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM492 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM407 juta adalah sumbangan kerajaan dan baki sebanyak RM85 juta ditampung daripada sumber dalaman dan baki rezab tahun 2014. Pemotongan bajet PPUM adalah ekoran daripada rasionalisasi peruntukan mengurus Kementerian Kewangan yang keseluruhannya berjumlah RM5.5 bilion.

Dalam hal ini, peruntukan mengurus PPUM telah dijajarkan semula dan berkurang sebanyak RM20.27 juta sahaja dan bukannya RM120 juta seperti yang didakwa. Pada tahun 2015 pula peruntukan tambahan yang disalurkan Kementerian pula berjumlah RM35 juta. Jumlah keseluruhan tambah peruntukan tersebut adalah melebihi daripada jumlah yang terkurang akibat rasionalisasi bajet mengurus oleh Kerajaan.

Pengurangan peruntukan ini tidak akan menjejaskan pembekalan ubat dan perkhidmatan perubatan di hospital PPUM disebabkan peruntukan secukupnya telah diadakan bagi tahun 2015.

NJM16

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. HOU KOK CHUNG
TARIKH : 24.6.2015

SOALAN:

Dato' Dr. Hou Kok Chung minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah membenarkan pelajar-pelajar lulusan Unified Examination Certificate (UEC) memohon untuk memasuki Universiti Awam adalah seiring dengan Strategi Tumpuan Pertama Rancangan Malaysia Ke-11, iaitu inklusiviti, serta mendokong dan konsisten dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2016 (Pendidikan Tinggi) yang di antara lainnya menjanjikan akses, ekuiti, perpaduan, identiti nasional dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Unified Examination Certificate* (UEC) menggunakan kurikulum yang dibangunkan sendiri dan tidak selari dengan kurikulum kebangsaan seperti yang ditetapkan oleh Akta Pendidikan 1996. Sebaliknya, seperti kita sedia maklum, dasar kemasukan ke universiti awam memerlukan seseorang calon memiliki sijil yang selari dengan dasar pendidikan kebangsaan.

Oleh demikian, selaras dengan jawapan penggulungan **YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan di Dewan Rakyat pada 10 Jun 2015 baru-baru ini, UEC perlulah mematuhi dan selari dengan dasar sedia ada Kementerian Pendidikan Malaysia** bagi membolehkan kementerian membuat pertimbangan untuk kemasukan ke Universiti Awam.

Walau bagaimanapun, berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil.2/2004, kelulusan sijil UEC diiktiraf sebagai kelayakan masuk ke institusi pendidikan tinggi swasta.

NJM17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM
SHAH BIN ABU SHAH**

TARIKH : 24.6.2015

SOALAN:

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dalam usaha Kerajaan menjadikan Malaysia "The Education Hub" di rantau ASEAN ini, apakah insentif-insentif dan galakan yang diberikan oleh pihak Kerajaan kepada para "industry players".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian amat mengambil berat usaha-usaha bagi menjadi hab pendidikan tinggi di rantau ASEAN. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), PPPM (PT) turut menyokong usaha kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai *the education hub* di rantau ASEAN melalui Lonjakan Ke-8, Keunggulan Global. Berdasarkan PPPM(PT), Kementerian mensasarkan 250,000 bilangan pelajar antarabangsa menjelang tahun 2025. Sehingga 31 Mac 2015, bilangan pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi negara dan sekolah swasta/sekolah antarabangsa ialah seramai 132,542 orang (88.36 peratus) daripada sasaran 150,000 bagi tahun 2015.

Bagi menggalakkan penglibatan *industry players*, *Double Deduction Incentive* (DDI) diberikan oleh kerajaan Malaysia melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri kepada institusi pendidikan tinggi swasta (IPTs) yang menyertai pameran pendidikan di luar negara bagi mempromosikan eksport pendidikan tinggi. Ini termaktub di bawah akta *Income Tax (Deduction for Promotion of Export of Higher Education) Rules 2001 - [P.U. (A) 185]* berkuat kuasa pada tahun taksiran 1996 dan *(Deduction for Promotion of Export of Higher Education) (Amendment) Rules 2003 - [P.U. (A) 261]* berkuat kuasa tahun taksiran 2002. Insentif ini disediakan oleh kerajaan bagi mengelakkan IPTs yang terlibat dalam eksport pendidikan tinggi dikenakan cukai dua kali pada tahun taksiran.

Di samping itu, dalam ucapan bajet 2015 yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan galakan cukai yang ditambah baik bagi pihak swasta sebagai dorongan untuk bekerjasama melaksanakan pendidikan dan latihan dengan institusi TVET. Tiga kaedah dorongan kepada syarikat swasta tersebut adalah seperti berikut:

1. Potongan dua kali bagi maksud pengiraan cukai pendapatan diperluaskan kepada biasiswa untuk pelajar di peringkat pengajian pensijilan vokasional dan teknik;
2. Potongan dua kali bagi maksud pengiraan cukai pendapatan ke atas perbelanjaan syarikat dalam melaksanakan program *internship* berstruktur di peringkat diploma dan vokasional; dan
3. Potongan tambahan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan diberi ke atas perbelanjaan latihan yang ditanggung oleh majikan bagi pekerja untuk mendapatkan sijil dan kelayakan profesional yang diiktiraf.

Insentif-insentif demikian yang diberikan Kerajaan diharap dapat menarik pihak industri sebagai *industry players* untuk bekerjasama dalam usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai *Education Hub* di rantau ASEAN ini.

NJM18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. ASYRAF WAJDI BIN DATO' DUSUKI
TARIKH : 24.6.2015

SOALAN:

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian dapat memanfaatkan sistem wakaf tunai bagi meningkat dan memperkasakan peranan universiti-universiti awam supaya sentiasa relevan, mandiri dan dapat membantu merealisasikan aspirasi Kerajaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tabung waqaf boleh digunakan untuk menampung keperluan biasiswa, kerusi profesor, program penyelidikan dan akademik, dan perbelanjaan mengurus atau pembangunan institut pendidikan tinggi (IPT). Namun begitu, setakat ini budaya menyumbang kepada tabung waqaf dan endowmen pendidikan tinggi masih belum mantap di Malaysia. Hanya beberapa IPT di Malaysia mempunyai dana *endowmen*, seperti Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Sunway. Kepelbagaian sumber pendapatan seperti *endowmen* dan waqaf penting bagi meningkatkan kemampanan kewangan institusi dan penurunan kuasa untuk berbelanja serta mengurangkan pergantungan pada dana awam. Pergantungan ini menyukarkan perancangan jangka panjang IPT.

Sehubungan itu, pihak Kementerian akan menyokong IPT awam dan swasta dalam menubuhkan tabung *endowmen* dan waqaf dengan:

1. Merangka panduan jelas dan berkongsi amalan terbaik tentang tabung *endowmen* IPT, termasuk penubuhan struktur tadbir urus, pengurusan pelaburan secara profesional, model pengurusan dan kaedah mendapatkan dana *endowmen*;
2. Memperkenalkan geran padanan bagi IPT semasa pelancaran tabung *endowmen* dalam tempoh tertentu;

3. Memudahkan cara agar tanah dan aset IPT awam menjadi aset awal tabung *endowmen*, melibatkan prosedur serta perubahan yang diperlukan daripada segi perundangan dan dasar Kerajaan;
4. Mengkaji semula insentif cukai ke atas individu dan syarikat untuk menggalakkan pemberian sumbangan dan derma kepada tabung *endowmen* IPT awam dan swasta; dan
5. Menerima pakai *Key Performance Index* untuk IPT awam untuk penubuhan tabung *endowmen* dan kepelbagaian sumber pembiayaan.

NJM19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK NG CHIANG CHIN
TARIKH : 24.6.2015

SOALAN:

Datuk Ng Chiang Chin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Penurunan kedudukan universiti-universiti di Malaysia telah mengesahkan bahawa pencapaian pelajar-pelajar Malaysia adalah lebih rendah berbanding negara-negara lain. Oleh itu, bagaimanakah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Tinggi (2015-2025) boleh membantu membaikpulih keadaan semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ingin menegaskan bahawa kenyataan yang diberikan adalah tidak tepat. Kedudukan universiti tempatan dalam penarafan *QS World University Rankings* (QSWUR) 2014/15 adalah meningkat jika dibandingkan semasa penarafan 2013/2014. Sebagai contoh, Universiti Malaya (UM) telah berjaya berada pada kedudukan 151 terbaik pada tahun 2014 berbanding kedudukan 167 pada tahun 2013. Universiti Kebangsaan Malaysia juga telah melonjak dari kedudukan 269 pada 2013 ke 259 pada tahun 2014 dan Universiti Teknologi Malaysia melonjak daripada kedudukan 355 ke 294 pada tahun 2014.

Manakala berdasarkan Ranking U21 yang menilai pencapaian negara, kedudukan Malaysia telah meningkat dari tangga 28 ke tangga 27. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) juga telah menasaskan menjelang tahun 2025, akan ada dua (2) universiti awam yang berada pada kedudukan 100 terbaik dunia.

PPPM (PT) sememangnya dirangka berasaskan pencapaian semasa yang memerlukan perubahan besar dari segi sistem yang turut melibatkan peranan Kementerian untuk mencapai matlamat yang disasarkan. Secara khususnya, hasrat Kementerian adalah bertujuan untuk:

1. Memupuk minda keusahawanan dalam seluruh sistem pendidikan tinggi, dan mewujudkan sistem pendidikan yang melahirkan graduan berciri keusahawanan, bukan hanya mencari kerja;
2. Membangunkan sistem yang tidak hanya menumpu kepada laluan akademik biasa, tetapi turut memberi penekanan kepada laluan TVET;
3. Memberikan tumpuan kepada keberhasilan, berbanding input;
4. Menggunakan teknologi dan inovasi bagi memenuhi keperluan serta meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar;
5. Mengharmonikan kawal selia antara institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta, dan beralih daripada sistem tadbir urus berpusat ketika ini kepada model IPT yang mempunyai lebih autonomi dalam rangka kerja perundangan yang ditetapkan; dan
6. Memastikan kemampunan kewangan bagi sistem pendidikan tinggi dengan mengurangkan kebergantungan pada sumber kerajaan, dan memastikan semua pihak berkepentingan turut memberi sumbangan.

NJM20

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK PROF. DR. SIM KUI HIAN

TARIKH : 24.6.2015

SOALAN:

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang langkah-langkah penyelesaian yang sedia ada dan cadangan-cadangan masa depan Kementerian dalam menangani isu-isu pelajar yang menghadapi masalah untuk melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam dan permohonan biasiswa atau pinjaman pendidikan akibat status kerakyatan mereka sebagai pemegang Kad Pengenalan Merah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar yang memegang kad pengenalan merah adalah berstatus bukan warganegara, maka tidak memenuhi syarat am untuk permohonan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia/Setaraf bagi kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) / Politeknik / Kolej Komuniti / Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Hanya warganegara Malaysia sahaja yang layak mengemukakan permohonan melalui Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pendidikan Tinggi.

Walau bagaimanapun, permohonan kemasukan lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) / Setaraf pula adalah terbuka kepada warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap yang mempunyai Nombor Kad Pengenalan / MyKad. Pelajar bukan Warganegara boleh memohon terus ke IPTA pilihan dengan mengisi borang permohonan yang disediakan oleh IPTA tersebut asalkan memenuhi syarat khas program berkenaan. Dasar pemberian pinjaman pendidikan dan biasiswa termasuklah yang ditawarkan oleh Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pperbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara adalah khusus kepada warganegara Malaysia.

NJM21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD
TARIKH : 24.6.2015

SOALAN:

Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan dan cabaran kerjasama strategik antara pihak polis dengan pihak sekolah dalam menangani gejala buli di sekolah-sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pendekatan alternatif dalam menangani masalah disiplin di sekolah termasuk gejala buli di sekolah-sekolah. Kerjasama strategik antara pihak polis dengan pihak sekolah dalam menangani gejala buli di sekolah telah dijalankan di mana objektifnya adalah untuk meningkatkan disiplin diri murid supaya menjadi individu yang lebih bertanggungjawab kepada diri mereka sendiri, keluarga, sekolah, masyarakat dan negara di masa hadapan.

Kerjasama ini dilakukan kerana KPM memerlukan kepakaran yang ada dan dapat membantu agar program yang dilaksanakan itu boleh mendatangkan impak yang positif. Program sebegini boleh diperluaskan sekiranya ada kerjasama daripada agensi yang mempunyai kepakaran dalam membentuk dan merangsang diri remaja ke arah sikap yang positif.

NJM24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. CHIA SONG CHENG
TARIKH : 25.6.2015

SOALAN:

Tuan Chia Song Cheng minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha pihak Kementerian untuk menggalakkan minat sukan di kalangan murid sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk menarik dan menggalakkan minat dalam kalangan murid untuk bersukan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif selaras dengan pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan (1M 1S). Antara program sukan yang telah dijalankan oleh KPM ialah:

1. **Sukan Untuk Semua**

Program ini meliputi Kejohanan Piala Menteri Pendidikan 1M 1S, Kejohanan Sukan Sekolah Premier, Kejohanan Sukan Sekolah Murid Orang Asli, Kejohanan Sukan Sekolah Pedalaman Sabah, Kejohanan Sukan Pedalaman (Pribumi) Sarawak dan Kejohanan Sukan Muhibah. Program Sukan Untuk Semua ini boleh disertai oleh semua murid dan dipertandingkan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

2. **Mempromosikan Gaya Hidup Sihat**

Program ini lebih menitikberatkan program kecergasan. Antara aktiviti yang dijalankan seperti Jalan Ria 1M 1S, Bola Tampar 4 on 4, Futsal 3 on 3, Bola Keranjang 3 on 3, Sukan *Frisbee* dan Sukan Lompat Tali.

3. **Meningkatkan Pengetahuan Pelajar Dalam Sukan**

Bagi meningkatkan pengetahuan pelajar dalam sukan KPM telah mengadakan program Klinik Sukan Sekolah dan Pemimpin Muda Sukan Sekolah.

4. **Sukan Untuk Kecemerlangan**

KPM Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) bagi 24 jenis permainan sepanjang tahun 2014. Kejohanan ini dijalankan di peringkat kebangsaan.

NJM23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. CHONG SIN WOON
TARIKH : 25.6.2015

SOALAN:

Tuan Chong Sin Woon minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat mana Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional melalui mata pelajaran Pendidikan Asas Vokasional (PAV) mampu untuk menarik minat pelajar untuk meneruskan pendidikan mereka di peringkat vokasional dan seterusnya ke peringkat pengajian tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) yang merupakan satu usaha merekayasa sistem pendidikan vokasional bagi menyumbang kepada agenda transformasi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. TPV merupakan salah satu daripada 25 inisiatif utama yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). Keberhasilan usaha transformasi ini ialah pendidikan vokasional era 2020 yang berupaya memberi sumbangan yang signifikan kepada agenda kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi.

Sejajar dengan keperluan tersebut, KPM telah melaksanakan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) diwujudkan pada peringkat menengah rendah (Tingkatan 1- 3) di sekolah menengah harian bermula dengan 15 sekolah menengah kebangsaan (SMK) rintis pada tahun 2012. Sehingga kini terdapat 81 buah SMK dan empat (4) sekolah orang asli K9 yang melaksanakan PAV dengan penawaran 12 kursus di seluruh negara.

PAV menyediakan pembelajaran berbentuk amali vokasional sebanyak 70 peratus. Ini amat bersesuaian dengan murid yang tidak cenderung kepada mata pelajaran berbentuk akademik. PAV juga menyediakan murid untuk Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sehingga Tahap 2, yang memberi kelebihan kepada murid mendapat pensijilan kemahiran yang diiktiraf di samping boleh melanjutkan kemahiran mereka ke tahap

yang lebih tinggi mengikut kemampuan masing-masing. Bagi murid PAV rintis seramai 202 murid berjaya memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dan seramai 114 murid mendapat SKM Tahap 1. Seramai 361 orang murid PAV Rintis ini sedang meneruskan pengajian kemahiran ke tahap yang lebih tinggi iaitu 197 murid di Kolej Vokasional dan 164 murid di GIATMARA seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM melalui Agensi Kelayakan Malaysia menyediakan laluan Akreditasi Pembelajaran dan Pengalaman Terdahulu atau *Accreditation for Prior Experience and Learning* (APEL). APEL membolehkan pelajar meneruskan pengajian di institusi pendidikan tinggi berdasarkan berdasarkan peringkat pengajian yang ditetapkan bersesuaian dengan kelayakan.

NJM24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' GOONASAKARAN A/L RAMAN
TARIKH : 25.6.2015

SOALAN:

Dato' Goonasakaran A/L Raman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk mempertingkatkan kefasihan Bahasa Melayu di kalangan pelajar bukan penutur jati Bahasa Melayu khususnya di SJK(T) dan SJK(C).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk meningkatkan kefasihan penggunaan Bahasa Melayu (BM) khususnya dalam kalangan murid bukan penutur jati, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melakukan transformasi terhadap Kurikulum BM sedia ada melalui penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mulai tahun 2017.

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 KPM telah memperkenalkan Inisiatif Pengenalan Kelas Pemulihan Bahasa Malaysia Tahun 4 hingga Tahun 6. Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Malaysia ini bermula pada bulan April 2014 iaitu selepas Ujian PraProTiM dan berakhir pada bulan Julai iaitu sebelum Ujian PascaProTiM. Tujuan pelaksanaan Kelas Pemulihan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Malaysia dalam kalangan murid di SJKT dan SJKC.

Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Malaysia Tahun 4 hingga Tahun 6 dilaksanakan di luar waktu pengajaran dan pembelajaran iaitu dua (2) jam hingga lima (5) jam seminggu selama 10 minggu mengikut keperluan murid berdasarkan buku garis panduan Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Malaysia.

Murid yang terlibat dalam kelas pemulihan bahasa Malaysia ialah murid yang tidak melepasi Ujian PraProTiM. Murid tersebut ialah murid tahun 4 bagi tahun 2014, Tahun 4 dan Tahun 5 bagi tahun 2015 dan murid Tahun 4 hingga Tahun 6 bagi tahun 2016.

NJM25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD
TARIKH : 25.6.2015

SOALAN:

Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah Kerajaan serius mempertahankan bahasa Melayu di sebalik asakan kekangan dasar, pelaksanaan dan keadaan semasa ; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang memperkasakan penggunaan bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa, dimulai kerjasama dengan Indonesia yang serumpun dan mempunyai pelbagai persamaan dengan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan secara jelas menyatakan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu. Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32) menetapkan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi. Maksud rasmi ertinya apa-apa jua maksud kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan serius mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui pelbagai saluran, seperti penggubalan dasar, pemantauan pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan dan meningkatkan pelaksanaan program pemupukan dan penggalakan. Antara usaha yang telah dilakukan termasuklah:

1. Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI);
2. Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan;
3. Audit Bahasa Melayu;
4. Bulan Bahasa Kebangsaan; dan

5. Program-program penerbitan, pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu
- (b) Kerjasama dua negara, iaitu antara Malaysia dengan Indonesia dalam memperkasakan bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa sudah pun dimulai sejak sekian lama. Antara usaha yang telah dijalankan oleh kedua-dua buah negara adalah:
1. Penubuhan Jawatankuasa Ejaan Rasmi Persekutuan Tanah Melayu-Indonesia pada tahun 1967. Jawatankuasa ini telah membentuk Sistem Ejaan Baharu Bersama yang praktikal bagi kedua-dua buah negara;
 2. Penubuhan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) pada tahun 1972;
 3. Pada tahun 2000, Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu atau MABM ditubuhkan dengan tujuan menyelaraskan kegiatan pengembangan bahasa Melayu dan Indonesia pada peringkat antarabangsa;
 4. Penganjuran Kongres Bahasa Melayu Sedunia yang menghimpunkan para sarjana dan tokoh bahasa, sastera dan budaya dari serata mancanegara; dan
 5. Penubuhan Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA).

NJM26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. JOHARI BIN MAT
TARIKH : 25.6.2015

SOALAN:

Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa mata pelajaran Pendidikan Islam dan Sivik masih tidak dijadikan mata pelajaran wajib sebagaimana mata pelajaran Sejarah dan Matematik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mata Pelajaran Pendidikan Islam adalah mata pelajaran teras kepada semua murid beragama Islam di peringkat rendah dan menengah. Peruntukan masa untuk mata pelajaran Pendidikan Islam sedia ada iaitu enam (6) waktu di peringkat rendah dan menengah rendah serta empat (4) waktu di peringkat menengah atas adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan murid di peringkat sekolah rendah dan menengah memahami dan mengamalkan asas kefahaman dan amalan bagi seorang Muslim.

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) mula diperkenalkan dalam kurikulum persekolahan secara berperingkat mulai tahun 2005 untuk semua murid sekolah rendah Tahap 2 dan sekolah menengah. PSK merupakan mata pelajaran teras untuk semua murid sekolah rendah Tahap 2 dan sekolah menengah. PSK bertujuan memberi kesedaran kepada murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu padu, patriotik dan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat dan negara, sejajar dengan aspirasi negara yang mengenyahkan perbezaan yang berdasarkan kepada bangsa dan agama serta menjadi kekuatan bangsa Malaysia yang turut menyokong dan mendokong Gagasan 1Malaysia

NJM27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK LIHAN JOK
TARIKH : 25.6.2015

SOALAN:

Datuk Lihan Jok minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap tahap penggunaan dan penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah sekarang ini untuk membolehkan golongan muda Malaysia berkemampuan di peringkat global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius mengenai tahap pencapaian murid dalam bahasa Inggeris. Oleh itu KPM melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 telah mengambil pelbagai langkah drastik untuk memastikan tahap profisiensi murid ditingkatkan supaya mampu bersaing pada peringkat global.

Antara langkah drastik yang telah diambil ialah mengetatkan syarat kemasukan guru pelatih khusus bagi mereka yang berminat untuk menjadi guru Bahasa Inggeris (BI). KPM telah menetapkan prasyarat bahawa calon mesti mendapat sekurang kurangnya 5A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan bagi mereka yang berminat untuk menjadi guru BI juga mesti mendapat gred A untuk BI. Guru pelatih BI setelah tamat kursus mesti berada pada tahap C1 untuk sekolah menengah dan B2 untuk sekolah rendah bagi membolehkan mereka ditempatkan di sekolah.

Sehingga kini, lebih 15 ribu guru BI dalam perkhidmatan dilatih semula untuk meningkatkan atau memantapkan kemahiran mengajar BI. Bagi murid pelbagai program sokongan disediakan melalui Pelantikan *School Improvement Specialist Coach* + (SISC+) BI untuk membantu membimbing guru untuk meningkatkan pencapaian murid di sekolah band 5, 6 dan 7. SISC+ ini juga dilatih dengan menggunakan pelbagai modul untuk memantapkan kemahiran pengajaran BI.

Kementerian telah mengenal pasti 1,191 sekolah *hotspot* dan disediakan program intervensi berbeza yang bertujuan untuk memberi sokongan dan bantuan yang diperlukan oleh sekolah melalui Program Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris SPM. Untuk meningkatkan keyakinan dan kemahiran murid bertutur dalam BI, *Program Oral Proficiency in English for Secondary Schools (OPS-English)* telah dilaksanakan di 216 (2013) dan di 827 (2014) – 1,014 sekolah seluruh Malaysia, khususnya sekolah di luar bandar yang berada dalam band 3 hingga 6.

NJM28

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. HOU KOK CHUNG
TARIKH : 25.6.2015

SOALAN:

Dato' Dr. Hou Kok Chung minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar antarabangsa yang telah ditawarkan biasiswa Kerajaan Malaysia untuk mengikuti pengajian di Malaysia untuk 3 tahun yang lepas, dan berapakah jumlah keseluruhan tajaan, serta pecahan penerimanya mengikut negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Biasiswa, Sektor Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia menawarkan penajaan pengajian kepada pelajar antarabangsa yang berkelayakan bagi melanjutkan pengajian di semua universiti awam dan institusi pendidikan tinggi swasta terpilih iaitu Universiti Teknologi Petronas, *Universiti Multimedia Malaysia*, *Universiti Tenaga Nasional* dan *The Global University of Islamic Finance*, pada peringkat pasca siswazah dan ke atas di bawah program berikut :

1. *Malaysia International Scholarship.*
2. *Malaysian Technical And Cooperation Programme.*
3. *Commonwealth Scholarship And Fellowship Plan.*

Seramai 306 orang pelajar antarabangsa dari 45 buah negara telah mendapat penajaan di bawah biasiswa tersebut dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM19.199 juta dari tahun 2012 hingga 2014. Antara sepuluh (10) negara yang tertinggi bilangan pelajarannya menerima biasiswa ini adalah Iran, Pakistan, Bangladesh, Thailand, Palestin, Nigeria, India, Syria, Yemen dan Indonesia.

NJM29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK NG CHIANG CHIN
TARIKH : 25.6.2015

SOALAN:

Datuk Ng Chiang Chin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan MOE telah memutuskan bahawa pelajar-pelajar Tingkatan 6 Rendah tidak perlu lagi untuk memakai pakaian seragam di sekolah dan ia menimbulkan isu di kalangan pembuat dasar. Kajian yang dilakukan di negara asing seperti Amerika Syarikat telah menunjukkan bahawa keselamatan dan harga diri akan meningkat apabila pelajar memakai pakaian seragam sekolah. Ia juga mewujudkan perpaduan dan identiti pelajar yang sama. Memandangkan pemakaian pakaian seragam sekolah dapat membawa banyak manfaat, adakah Kementerian akan mengkaji semula untuk mempertimbangkan pakaian seragam sekolah di kalangan pelajar Tingkatan 6 Rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan pemantauan di sekolah Mod 1 dan Mod 2 berkaitan pemakaian pelajar Tingkatan Enam Rendah ke sekolah di mana mereka tidak perlu lagi untuk memakai pakaian seragam di sekolah. Antara dapatan daripada pemantauan ialah pelajar Tingkatan Enam berasa lebih bersemangat dan berkeyakinan tinggi apabila mereka tidak perlu berpakaian seragam sekolah seperti rakan-rakan mereka di pusat-pusat pengajian tinggi lain yang setara. Perubahan kepada cara pemakaian dapat meningkatkan imej murid Tingkatan Enam seterusnya menjadi pilihan murid-murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memilih Tingkatan Enam sebagai laluan utama ke universiti.

NJM30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK S. VIGNESWARAN A/L M. SANASEE
TARIKH : 29.6.2015

SOALAN:

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan ke mana halatuju sistem pendidikan negara yang tidak berfokuskan akedemik mahupun prinsip moral. Kebanyakan pusat pengajian swasta dihujani pelajar-pelajar asing yang sekadar menggunakan visa pelajar bagi menutupi kegiatan pengedaran dadah dan melakukan kegiatan maksiat lain. Adakah pihak Kementerian menyedari gejala sosial yang berleluasa di pusat-pusat pengajian sebegini atau bertindak alpa terhadap penyakit sosial ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa bekerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan yang berkaitan berhubung dengan kemasukan pelajar antarabangsa di institut pendidikan tinggi swasta (IPTS) di negara ini. Sesebuah IPTS yang ingin mengambil pelajar antarabangsa perlu mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri setelah memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan di peringkat KPM.

Pelajar antarabangsa yang memohon untuk masuk ke Malaysia perlu melalui proses saringan yang dibuat oleh *Education Malaysia Global Services* (EMGS) bagi memastikan hanya mereka yang mempunyai kelayakan akademik yang bersesuaian sahaja dibenarkan masuk. Bagi pelajar dari negara sub-sahara, sijil *no objection* merupakan syarat tambahan yang perlu dikemukakan. Selain itu, warganegara Nigeria pula dikehendaki mengemukakan *Letter of Good Conduct* yang merupakan surat jaminan yang dikeluarkan oleh pihak kedutaan.

Di samping itu, program pengajian yang ditawarkan oleh IPTS perlu menjalani proses jaminan kualiti yang turut meliputi aspek kurikulum sebelum diluluskan oleh Kementerian. IPTS juga perlu melaksanakan mata pelajaran wajib ke atas semua

pelajarnya sepertimana yang termaktub di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Mata pelajaran wajib ini termasuk pengajian Islam atau Pendidikan Moral bagi pelajar bukan beragama Islam. Langkah ini merupakan usaha bagi memastikan pelajar turut diterapkan dengan nilai murni sejagat.

NJM31

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. CHONG SIN WOON
TARIKH : 29.6.2015

SOALAN:

Tuan Chong Sin Woon minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah sebab-sebab kebanyakan pelajar bumiputera tidak menamatkan pelajaran mereka di peringkat sekolah menengah. Mengikut statistik, kadar tamat pengajian untuk pelajar bumiputera hanya mencapai 30% di peringkat sekolah menengah dan kadar kelulusan pelajar bumiputera dalam peperiksaan UPSR hanya mencapai 61% sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat analisis kadar tamat persekolahan di peringkat sekolah menengah kerajaan berdasarkan kohort murid dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Sehubungan itu, kadar tamat persekolahan murid bumiputera di sekolah menengah untuk tahun 2014 adalah **86.2 peratus**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara faktor yang menyebabkan kadar tamat persekolahan tidak mencapai 100 peratus adalah kerana terdapat sebahagian kecil murid yang keluar dari sistem persekolahan KPM untuk meneruskan pelajaran mereka di sekolah pondok, tahfiz, dan institusi pendidikan swasta yang lain. Terdapat juga kecenderongan sebilangan kecil pula mengikuti pendidikan secara *home schooling* ataupun mengikut keluarga berhijrah ke luar negara.

Berhubung dengan kadar kelulusan murid bumiputera dalam peperiksaan UPSR, untuk makluman bagi sekolah di bawah KPM ialah 69.15 peratus pada tahun 2012, 67.13 peratus bagi tahun 2013 dan 69.63 peratus untuk tahun 2014.

NJM32

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK PROF. DR. SIM KUI HIAN
TARIKH : 29.6.2015

SOALAN:

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jenis langkah-langkah yang lebih praktikal dan sesuai yang akan digunakan oleh Kementerian dalam menangani kejadian buli dan pukul di sekolah terutamanya di sekolah berasrama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih di atas keperihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam isu buli dalam kalangan murid sekolah. Sehubungan dengan itu, izinkan saya untuk menjawab bersekali pertanyaan lisan yang berhubung kait dengan perkara ini yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini. Pertanyaan tersebut adalah:

1. YB Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian - Soalan No.11
2. YB Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit - Soalan No.73

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius dan sentiasa memantau disiplin murid bagi memastikan kes buli tidak berleluasa di semua sekolah termasuklah di sekolah-sekolah berasrama. Langkah-langkah utama yang diambil oleh KPM bagi memastikan kejadian buli dapat dikawal adalah mengeluarkan **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil 8/2010 Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah**. Pekeliling tersebut menggariskan:

1. Peranan jawatankuasa disiplin sekolah dan asrama perlu diaktifkan sepenuhnya agar dapat menyiasat, meneliti serta mengambil tindakan segera terhadap setiap aduan yang dibuat oleh murid atau pihak berkepentingan;

2. Menyediakan peti aduan murid atau saluran aduan murid secara berkesan di sekolah dan asrama;
3. Sekolah dikehendaki menghapuskan budaya tertentu oleh murid yang berlawanan dengan prinsip pendidikan, akhlak dan usaha memupuk budi pekerti yang baik dalam kalangan murid sekolah;
4. Sekiranya sekolah dan asrama ada melaksanakan aktiviti orientasi atau suai kenal terhadap murid baru, maka aktiviti tersebut hendaklah berada di bawah kawalan guru sepenuhnya;
5. Bagi sekolah berasrama, kewujudan guru/warden hendaklah dapat dirasai oleh penghuninya sepanjang masa; dan
6. Kempen dan penjelasan terhadap kesan perbuatan buli dilaksanakan secara berterusan dan boleh melibatkan pihak luar seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) atau pihak lain yang difikirkan berkaitan.

NJM33

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH
TARIKH : 29.6.2015

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyakkah perbelanjaan yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan bagi menjalankan Program Belia untuk Pendidikan, Kemapanan dan Kedamaian (YESPeace) yang telah dilancarkan baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, rangkaian antarabangsa *YESPeace* adalah di bawah kelolaan Mahatma Gandhi Institute of Education for Peace and Sustainable Development (MGIEP) yang merupakan pusat kategori-1 UNESCO. Ingin dijelaskan bahawa peruntukan bagi aktiviti MGIEP tidak dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, sebaliknya dibiayai oleh UNESCO sendiri dan rakan strategik tempatan.

NJM34

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK CHIN SU PHIN
TARIKH : 29.6.2015

SOALAN:

Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan kelonggaran kepada kanak-kanak yang memiliki masalah berkenaan kad pengenalan diri seperti kes di Sabah untuk melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah awam sehingga peringkat tertinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan peluang dan hak kanak-kanak di Malaysia mendapat pendidikan, termasuklah kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen yang lengkap di Sabah.

Sehubungan itu, selain daripada merujuk kepada Akta Pendidikan 1996 di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah), KPM juga menggunakan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia : Bil 1/2009, '**Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Ke Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan**' yang menjelaskan penerimaan kanak-kanak warganegara Malaysia yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri masuk ke sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan, berdasarkan kepada syarat-syarat berikut :

1. Mana-mana salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia.
2. Surat pengesahan atau surat perakuan Ketua Kampung bahawa kanak-kanak tersebut adalah anak kepada warganegara Malaysia.

Penguatkuasaan Pekeliling Ikhtisas Bil.1/2009 ini memberi sedikit kelonggaran kepada kanak-kanak warganegara Malaysia mendapat pendidikan formal di peringkat rendah selaras dengan dasar pendidikan wajib.

Namun, di peringkat pendidikan tinggi, KPM masih mengekalkan dasar hanya **Warganegara Malaysia** sahaja yang layak mengemukakan permohonan untuk kemasukan ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia / setaraf. Manakala bagi permohonan kemasukan lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia / setaraf, ia adalah terbuka kepada Warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap yang mempunyai Nombor Kad Pengenalan / MyKad. Permohonan boleh dibuat terus ke IPTA pilihan dengan mengisi borang permohonan yang disediakan oleh IPTA berkenaan sekiranya memenuhi syarat khas program yang dipohon.

NJM35

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. HOU KOK CHUNG
TARIKH : 29.6.2015

SOALAN:

Dato' Dr. Hou Kok Chung minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan 10 bidang TVET yang amat diperlukan oleh negara dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-11, serta anggaran bilangan tempat pekerjaan yang bakal menunggu pelajar TVET ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut dokumen Rancangan Malaysia Ke-11 yang disediakan oleh Jabatan Perdana Menteri, sebanyak 60 peratus dari 1.5 juta pekerjaan yang dijangka akan diwujudkan atau sebanyak 900,000 pekerjaan memerlukan kelayakan berkaitan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET). Secara umumnya, pewujudan pekerjaan ini dijangka tertumpu kepada bidang perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Menurut kajian yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri, 10 bidang yang amat diperlukan negara adalah seperti berikut:

1. Pembaikan kenderaan bermotor;
2. Pembuatan alat ganti kenderaan;
3. Perdagangan Antarabangsa;
4. Pemborongan;
5. Peruncitan;
6. Perhotelan;
7. Perkhidmatan makanan dan minuman;
8. Logistik;
9. Pengurusan perisian pejabat; dan
10. Perkhidmatan bangunan

Dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-11, lepasan TVET juga akan berpeluang untuk mendapat pekerjaan pada kadar pendapatan tinggi dalam sektor-sektor seperti minyak dan gas, kejuruteraan penerbangan, perkapalan serta automotif.

Memandangkan 50 peratus kapasiti TVET awam yang disediakan adalah dari Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional, Lonjakan keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) turut memfokuskan kepada penghasilan graduan TVET yang berkualiti melalui beberapa strategi, antaranya kerjasama dengan industri.

NJM38

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH
BIN ABU SHAH**

TARIKH : 29.6.2015

SOALAN:

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah Universiti Teknologi Mara (UiTM) menutup pengajian di bidang Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP) di UiTM Pulau Pinang dengan tidak membuat pengambilan pelajar pada sesi akademik Mac-Julai, 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program Fakulti Pengurusan Perniagaan sebelum ini ditempatkan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Balik Pulau. Pada tahun 2014, UiTM Balik Pulau telah ditutup atas arahan pihak pengurusan UiTM. Keputusan dibuat selaras dengan pelaksanaan penyejajaran semula program akademik bagi mengoptimumkan sumber dan kepakaran di UiTM. Maka tiada lagi pengambilan pelajar baharu untuk semua program Fakulti Pengurusan Perniagaan bermula Sesi September 2014. Semua pelajar yang berada di UiTM Balik Pulau telah dipindahkan sementara ke UiTM Pulau Pinang (Kampus Bukit Mertajam) sehingga tamat pengajian dan segala hak-hak mereka adalah dilindungi.

Berdasarkan kakitangan, kecekapan dan pertimbangan ekonomi, bidang di Fakulti Pengurusan Perniagaan ditawarkan di beberapa UiTM Kampus lain seperti UiTM Kedah, UiTM Perlis, UiTM Perak, UiTM Kelantan, UiTM Terengganu, UiTM Pahang, UiTM Johor, UiTM Melaka, UiTM Shah Alam, UiTM Negeri Sembilan, UiTM Sarawak dan UiTM Sabah.

NJM39

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. HAJAH MARIANY BINTI MOHAMMAD YIT
TARIKH : 29.6.2015

SOALAN:

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah serius Kerajaan menangani kes-kes buli di sekolah berasrama seperti Kolej Vokasional, SBP dan SBPI bagi memastikan kejadian kes pukul yang mengakibatkan kecelakaan dan kematian tidak lagi berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius dan sentiasa memantau disiplin murid bagi memastikan kes buli tidak berleluasa di semua sekolah termasuklah di Kolej Vokasional (KV), Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI). Langkah utama yang diambil oleh KPM bagi memastikan kejadian buli dapat dikawal adalah mengeluarkan **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil 8/2010 Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah**. Pekeliling tersebut menggariskan:

1. Peranan jawatankuasa disiplin sekolah dan asrama perlu diaktifkan sepenuhnya agar dapat menyiasat, meneliti serta mengambil tindakan segera terhadap setiap aduan yang dibuat oleh murid atau pihak berkepentingan;
2. Menyediakan peti aduan murid atau saluran aduan murid secara berkesan di sekolah dan asrama;
3. Sekolah dikehendaki menghapuskan budaya tertentu oleh murid yang berlawanan dengan prinsip pendidikan, akhlak dan usaha memupuk budi pekerti yang baik dalam kalangan murid sekolah;
4. Sekiranya sekolah dan asrama ada melaksanakan aktiviti orientasi atau suai kenal terhadap murid baru, maka aktiviti tersebut hendaklah berada di bawah kawalan guru sepenuhnya;
5. Bagi sekolah berasrama, kewujudan guru/warden hendaklah dapat dirasai oleh penghuninya sepanjang masa; dan

6. Kempen dan penjelasan terhadap kesan perbuatan buli dilaksanakan secara berterusan dan boleh melibatkan pihak luar seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) atau pihak lain yang difikirkan berkaitan.

NJM40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Dato' DR. HOU KOK CHUNG

TARIKH : 30.6.2015

SOALAN:

Dato' Dr. Hou Kok Chung minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan maksud sebenar berhubung memperkenalkan program 3+1 atau 2+2 seperti mana dinyatakan sebagai salah satu inisiatif untuk menjayakan Lonjakan No. 1 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program akademik sarjana muda berbentuk 2+2 atau 3+1 adalah program yang melibatkan pembelajaran selama dua (2) atau tiga (3) tahun di kampus dan selebihnya di luar kampus, pembelajaran di industri atau bersama masyarakat. Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan penggunaan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi yang merangkumi kejelasan kognitif dan konsep, kemahiran keusahawanan serta pembelajaran melalui pengalaman dan inovasi.

Inisiatif ini juga sebenarnya memberi ruang kepada industri untuk turut terlibat dalam merangka kurikulum dan melaksanakan program akademik. Inisiatif program 2+2 dan 3+1 dari Lonjakan 1 ini juga boleh dikaitkan dengan Inisiatif Membangunkan Kurikulum Dengan Melibatkan Industri dalam Lonjakan 4: Graduan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) Berkualiti.

NJM41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH
BIN ABU SHAH**

TARIKH : 30.6.2015

SOALAN:

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan di dalam memastikan penyertaan syarikat-syarikat swasta bagi Program Latihan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha meningkatkan kerjasama dan penyertaan sektor swasta dalam program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Penyertaan syarikat-syarikat swasta bagi program TVET di peringkat Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia (KV KPM) telah dilaksanakan dalam pelbagai aspek, iaitu penawaran Program Kolej Vokasional (KV) di Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS), program latihan kemahiran guru dan pensyarah Kolej Vokasional serta pelaksanaan latihan dalam kerja murid atau *on-the-job training*. Syarat-syarat kelayakan pihak swasta bagi melaksanakan program KV di ILKS adalah:

1. Kursus/program yang berimpak tinggi.
2. Kursus/program yang tiada dijalankan di KV.
3. Kursus/program sedia ada dijalankan di Institusi berkenaan.
4. Menyediakan fasiliti yang lengkap(asrama, bengkel dan peralatan).
5. Tenaga pengajar yang mencukupi dan bertauliah.

Manakala bagi penglibatan sektor swasta atau industri dalam menyediakan latihan dalam kerja kepada murid pula KPM telah mewujudkan perkongsian serta kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara KPM dengan sektor swasta. Sehingga kini sebanyak 224 MoU telah ditandatangani antara KPM

dengan sektor swasta dalam pelbagai bidang yang melibatkan 80 Kolej Vokasional KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan pihak swasta dalam pelaksanaan program pengajian di Politeknik dan Kolej Komuniti pula adalah dalam bentuk kerjasama yang meliputi aspek penggubalan kurikulum, latihan industri pelajar, sangkutan tenaga pengajar dan kerjasama lain berkaitan pendidikan dan latihan. Kerjasama ini tidak melibatkan proses perolehan yang mana pihak Kerajaan tidak membayar kepada syarikat apa-apa perkhidmatan menggunakan konsep *buying-places*, malahan pihak syarikat dan Politeknik atau Kolej Komuniti bekerjasama secara sukarela demi memastikan pembinaan modal insan yang lestari dan menyokong pembangunan ekonomi negara.

Syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan bagi penyertaan syarikat-syarikat swasta dalam program TVET bersama-sama Politeknik atau Kolej Komuniti adalah seperti berikut:

1. Syarikat mesti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat-Syarikat Malaysia (SSM) atau Kementerian Kewangan (mengikut tujuan).
2. Syarikat mempunyai latar belakang yang baik dan tidak bermasalah (stabil dan kukuh).
3. Syarikat berkemampuan menawarkan tempat Latihan Industri/Sangkutan Industri Pensyarah/Latihan Industri Keusahawanan/penawaran peluang pekerjaan mengikut bidang.

NJM42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED
TARIKH : 30.6.2015

SOALAN:

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mengadakan kajian terperinci kesan wajib lulus Bahasa Inggeris kepada pelajar luar bandar memandangkan kadar kegagalan yang tinggi di luar bandar dan kesan kepada jurang ekonomi masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di- Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan tindak susul pada tahun 2013 bagi meninjau peranan penggubal dasar dalam usaha membantu pihak sekolah termasuk sekolah di luar bandar dalam melaksana dan menjayakan Dasar Wajib Lulus Bahasa Inggeris Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2016. Beberapa cadangan telah dikemukakan, di antaranya memastikan guru bukan opsyen menghadiri kursus pengukuhan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dan memperkukuhkan penguasaan asas bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan peningkatan standard dan kualiti bahasa Inggeris di sekolah, pelbagai usaha bersepadu seperti mentransformasikan kurikulum bahasa Inggeris dengan melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), program LINUS 2.0 (Literasi Bahasa Inggeris) yang mensasarkan semua murid menguasai tahap asas bahasa Inggeris dan program *Professional Upskilling of English Language Teachers* (Pro-ELT) yang menfokuskan kepada penambahbaikan kemahiran pedagogi di bilik darjah dan peningkatan tahap kecekapan bahasa Inggeris guru berdasarkan standard antarabangsa CEFR (*Common European Framework of Reference for Languages*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Jabatan Pendidikan Negeri juga menyediakan pelbagai inisiatif seperti Program *T-HELP*, *PLC Through Learning English Together*, *Wheels of English*, *Redeployment Strategies of English Teachers* dan *Weekly Professional Discourse* bagi membantu meningkatkan pencapaian bahasa Inggeris murid di setiap negeri.

NJM43

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK PROF. DR. SIM KUI HIAN
TARIKH : 30.6.2015

SOALAN:

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk mendirikan sekolah sukan penuh di Sarawak, sepertimana yang terdapat di Negeri Johor dan Sabah, memandangkan pembangunan sukan Sarawak telah menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan dengan lahirnya atlet-atlet yang bertaraf antarabangsa, malah berjaya merangkul pingat gangsa di Sukan Olimpik yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, buat masa ini bilangan enam (6) buah Sekolah Sukan Malaysia (SSM) yang terdapat di seluruh Malaysia iaitu empat (4) buah SSM sedia ada yang sedang beroperasi, serta dua (2) buah lagi yang sedang dalam pembinaan berkeupayaan untuk menampung keperluan semasa menempatkan atlet-atlet cemerlang sukan di negara ini.

Di samping itu, KPM juga sedang memantapkan 15 buah Sekolah Sukan Negeri (SSN) yang berfungsi sebagai Pusat Kecemerlangan Sukan bagi melahirkan lebih ramai atlet murid berbakat sukan di peringkat negeri masing-masing termasuklah di negeri Sarawak.

NJM44

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK HAMZAH BIN MOHD KASIM
TARIKH : 30.6.2015

SOALAN:

Datuk Hamzah bin Mohd Kasim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak universiti untuk menggalakkan mahasiswa lebih berinovatif dan kreatif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap pembangunan mahasiswa ke arah lebih berimbang bagi menyediakan modal insan yang mempunyai nilai kompeten tinggi.

KPM telah mengenal pasti lapan (8) teras aktiviti kokurikulum berkredit yang meliputi teras Inovasi, Khidmat komuniti, kesukarelawan, Pengucapan Awam, Kepimpinan, Kebudayaan, Keusahawanan dan Kesukanan bagi membangunkan kemahiran insaniah mahasiswa supaya mereka mampu menangani pelbagai isu dalaman atau luaran. Kesemua lapan (8) teras ini bertujuan untuk melahirkan mahasiswa universiti awam yang menguasai tujuh (7) kemahiran insaniah iaitu komunikasi, pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, kerja berpasukan, pembelajaran berterusan, keusahawanan, kepimpinan dan moral serta etika profesional. Lapan (8) teras ini juga telah diterapkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di universiti awam di mana mahasiswa diwajibkan mengikuti modul ini sebagai syarat bergraduasi.

Bagi memperkasakan teras inovasi, pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan dari semasa ke semasa seperti ROBOCON (pertandingan robot) dan *MyInovasi* (Pertandingan Memasyarakatkan Inovasi Pelajar IPT).

NJM45

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD
TARIKH : 30.6.2015

SOALAN:

Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian dan pihak universiti awam tempatan menarik bilangan pelajar mengikuti pengajian bahasa Melayu yang selama ini diberi persepsi negatif bahawa bidang ini kurang relevan dalam prospek kerjaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengajian Bahasa Melayu di universiti awam (UA) ditawarkan di Jabatan/Fakulti Bahasa Moden. Kursus Bahasa Melayu juga turut ditawarkan kepada pelajar di luar fakulti sebagai mata pelajaran elektif. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah mengabaikan Pengajian Bahasa Melayu di UA dan sentiasa mengalu-alukan universiti awam untuk menambah baik kurikulum Pengajian Bahasa Melayu melalui forum Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi.

Lonjakan 1 di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi 2012-2025 (PPPM PT) yang berhasrat bagi melahirkan warganegara yang mempunyai jati diri yang tinggi dan berakhlak turut memperkasakan penawaran pengajian Bahasa Melayu di UA seperti kesusasteraan, seni halus dan juga kebudayaan. KPM juga turut memberi autonomi kepada UA untuk memperkasakan penawaran kursus pengajian tertentu termasuk Pengajian Bahasa Melayu.

UA juga turut menawarkan kursus elektif Bahasa Melayu melalui kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar dengan bimbingan pensyarah. Masa kuliah dikurangkan dan sebaliknya penglibatan pelajar dalam penerokaan isu berkaitan bahasa Melayu dilaksanakan. Pelajar juga turut terlibat secara aktif dalam melaksanakan tugas. Kursus ini dibuka kepada semua pelajar dalam pelbagai bidang dan setakat ini hasilnya sangat mendapat sambutan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. BATHMAVATHI KRISHNAN
TARIKH : 30.6.2015

SOALAN:

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah murid OKU yang telah mendaftar di Tahun Satu di sekolah rendah di seluruh negara pada sesi tahun 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data Kementerian Pendidikan Malaysia, terdapat seramai 6,278 orang murid berkeperluan khas yang mendaftar di Tahun 1 pada bulan Januari 2015.

NJM47

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' DR. ASYRAF WAJDI BIN DATO' DUSUKI

TARIKH : 1.7.2015

SOALAN:

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai mekanisme atau alternatif lain selain dari memberikan pinjaman PTPTN bagi membantu pelajar melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi memandangkan "trend" pelajar yang membuat pinjaman PTPTN berhadapan dengan masalah untuk membayar balik ekoran mereka tidak mempunyai mata pencarian yang kukuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan 21 bentuk penajaan biasiswa/bantuan kewangan/pinjaman pelajaran di peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran. Penajaan yang disediakan adalah untuk warga negara Malaysia dan pelajar antarabangsa.

KPM memahami keadaan peminjam-peminjam yang menghadapi masalah terhadap pembayaran balik pinjaman mereka. Oleh itu, penerima-penerima pembiayaan hendaklah sentiasa mendampingi diri dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) supaya proses pembayaran balik boleh dikemas kini dan distruktur semula berdasarkan kepada kemampuan dan kedudukan kewangan masing-masing serta mempertimbangkan penangguhan bayaran balik.

PTPTN juga telah memperkenalkan beberapa insentif bagi menggalakkan peminjam membuat pembayaran secara konsisten seperti pemberian rebat sebanyak 10 peratus sekiranya membayar secara berterusan selama 12 bulan sehingga 31 Disember 2015 dan menawarkan diskaun 20 peratus kepada peminjam yang membuat penyelesaian pinjaman secara sekaligus atau *lump sum* mulai 10 Oktober 2014 sehingga 31 Mac 2015.

NJM48

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH
BIN ABU SHAH**

TARIKH : 1.7.2015

SOALAN:

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian terhadap isu kemerosotan kemasukan pelajar di Bidang Sains dan Teknikal yang masih belum dicapai dalam sistem pendidikan negara kita iaitu nisbah bidang aliran sains : sastera (60:40).

JAWAPAN

Tuan Yang di- Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dan sedang menangani isu kemerosotan pelajar di Bidang sains dan Teknikal pada melalui 100 inisiatif utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan juga skop Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Di peringkat sekolah, Pelaksanaan Inisiatif Pengukuhan bidang *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) dalam PPPM 2013-2025 telah mengambil kira Laporan Strategi Mencapai Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal: Sastera. Antara langkah yang digariskan dalam PPPM 2013-2025 ialah:

1. meningkatkan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baharu dan pemantapan kurikulum;
2. menggabungkan kemahiran berfikir aras tinggi, meningkatkan penggunaan kemudahan pengajaran yang praktikal, dan menjadikan kandungan relevan dengan kehidupan harian untuk meningkatkan minat;
3. meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru termasuk melatih guru di sekolah rendah dan menengah untuk mengajar kurikulum yang disemak semula; dan
4. meningkatkan kesedaran murid dan orang awam dengan meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan murid tentang STEM melalui kempen kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah skop Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) pula, pelbagai strategi diperkenalkan untuk mengukuhkan pembangunan siswazah dan pelajar STEM. Di antara inisiatif yang diambil dalam memacu perkembangan pendidikan STEM adalah seperti berikut:

1. Penubuhan *Malaysian Technical University Network* (MTUN) yang dianggotai oleh empat (4) Universiti iaitu Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk melahirkan pelajar dalam jurusan teknikal seperti bidang kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan;
2. Penawaran biasiswa *MyBrainSc*, *MyMaster*, *MyPhD*, *MyPhd* Industri dan SLAB/SLAI untuk menggalakkan pensyarah dan pelajar menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang Sains;
3. Penubuhan Pusat Kecemerlangan (CoE) di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dalam pelbagai bidang kepakaran yang memacu pelaksanaan program penyelidikan di IPTA serta mewujudkan jalinan kerjasama yang erat dengan industri;
4. Pelaksanaan Program Jalinan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dengan IPTA sejak tahun 2007 bertujuan memperkukuhkan jalinan hubungan kerjasama di antara SKK dan IPTA dan berperanan memberikan pendedahan berterusan kepada pelajar sekolah sebelum melangkah ke alam universiti;
5. Pelaksanaan Inisiatif Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC), dalam menyemai minat pelajar dalam STEM dari peringkat paling awal dalam pendidikan mereka;
6. Penambahbaikan dalam kurikulum, penyampaian, latihan guru, laluan kerjaya dan saran untuk kakitangan dalam bidang STEM serta prasarana fizikal; dan
7. Penyediaan sokongan biasiswa yang meluas kepada pelajar yang ingin mengikuti pengajian pascasiswazah dalam bidang STEM. IPT juga digalakkan mengambil langkah sendiri bagi memperkukuh pembangunan STEM di institusi masing-masing.

NJM49

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. WILFRED YONG CHEN LEONG
TARIKH : 1.7.2015

SOALAN:

Tuan Wilfred Yong Chen Leong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha dan langkah yang dibuat Kementerian dalam meningkatkan kemahiran serta pengetahuan tinggi rakyat negara ini terutamanya dalam bidang Sains dan Matematik, teknologi ICT, dan kejuruteraan menjelang 2020 dan apakah hasilnya sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan lagi kemahiran serta pengetahuan tinggi rakyat negara ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil pelbagai langkah proaktif. Antara langkah yang sedang dilaksanakan adalah dalam aspek pelaksanaan kurikulum iaitu dengan mengukuhkan kebolehan murid dalam mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi. Mulai 2013, bilangan soalan kemahiran aras tinggi ditambah dalam peperiksaan, penekanan dalam pembelajaran secara inkuiri-penemuan, menambahkan bilangan waktu mengajar mata pelajaran sains tulen daripada empat (4) waktu kepada lima (5) waktu dan memperuntukkan satu waktu seminggu untuk guru sains dan matematik berkongsi amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara meluas dalam bilik darjah.

Demi memenuhi keperluan masa kini, pembangunan professional guru turut dititikberatkan. Pada tahun 2013 sejumlah 41 Kursus Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melibatkan 3,936 orang guru bagi mata pelajaran Sains dan 127 kursus yang melibatkan 3,211 guru bagi mata pelajaran Matematik. KPM juga menjalankan penilaian diagnostik untuk mengenal pasti jurang antara kandungan pengetahuan dengan kemahiran pedagogi dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM).

Inisiatif Pengukuhan STEM turut diperkasakan dengan pelaksanaan Transformasi Vokasional yang dilancarkan pada tahun 2012. Program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) menyediakan pilihan alternatif kepada murid yang cenderung kepada pendidikan kemahiran STEM yang berasaskan pekerjaan (*work-based*). Transformasi ini menyediakan laluan pendidikan vokasional dari peringkat menengah rendah ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di Kolej Vokasional (KV) atau Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Swasta (ILKS). Transformasi vokasional mempunyai potensi yang amat meyakinkan dalam melahirkan pekerja mahir yang mempunyai kebolehpasaran kerja yang tinggi.

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan bilangan modal insan mahir dan teknikal, Usaha mengarusperdanakan Pendidikan dan Latihan Vokasional dan Teknikal (TVET) sedang dipergiatkan melalui transformasi Politeknik dan Kolej Komuniti bagi melahirkan lebih ramai pekerja mahir dengan sasaran 60 peratus pekerja berkemahiran tinggi berkelulusan sekurang-kurangnya peringkat tertiar menjelang tahun 2020. KPM telah menawarkan 36 kursus dalam bidang Sains dan Matematik, ICT dan kejuruteraan di kolej vokasional seluruh Malaysia.

Di bawah skop Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), di antara inisiatif yang diambil dalam memacu perkembangan pendidikan STEM adalah seperti berikut:

1. Penubuhan *Malaysian Technical University Network* (MTUN) yang dianggotai oleh empat (4) Universiti iaitu Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk melahirkan pelajar dalam jurusan teknikal seperti bidang kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan;
2. Penawaran biasiswa *MyBrainSc*, *MyMaster*, *MyPhD*, *MyPhd Industri* dan SLAB/SLAI untuk menggalakkan pensyarah dan pelajar menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang Sains;
3. Penubuhan Pusat Kecemerlangan (CoE) di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dalam pelbagai bidang kepakaran yang memacu pelaksanaan program penyelidikan di IPTA serta mewujudkan jalinan kerjasama yang erat dengan industri; dan
4. Pelaksanaan Program Jalinan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dengan IPTA sejak tahun 2007 bertujuan memperkukuhkan jalinan hubungan kerjasama di antara SKK dan IPTA dan berperanan memberikan pendedahan berterusan kepada pelajar sekolah sebelum melangkah ke alam universiti.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK YAHAYA BIN MAT GHANI
TARIKH : 1.7.2015

SOALAN:

Datuk Yahaya bin Mat Ghani minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memperbaiki pembelajaran Bahasa Inggeris, bahasa yang telah diterima sebagai bahasa antarabangsa juga sains dan teknologi di kalangan anak-anak muda dan pelajar-pelajar terutamanya di kawasan luar bandar

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha memperbaiki pembelajaran Bahasa Inggeris (BI) seperti Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), meliputi program peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris, termasuklah pelaksanaan program LINUS 2.0, Literasi Bahasa Inggeris, pelantikan FasilINUS yang berperanan sebagai mentor dan pembimbing kepada guru BI Tahap 1, pelaksanaan Komponen Sastera Kontemporari Kanak-kanak kepada murid-murid Tahap 2, pelaksanaan Sistem Set di Tingkatan 1 dan pelaksanaan Komponen Sastera Bahasa Inggeris (KOMSAS) di sekolah menengah serta pembekalan bahan bacaan tambahan ke pusat sumber sekolah di bawah program MBMMBI.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program pemantapan tahap pengajaran Bahasa Inggeris (*Profesional Upskilling of English Language Teachers* atau Pro-ELT) telah dilaksanakan yang melibatkan 5,010 orang guru (kumpulan pertama) pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **76.4** peratus telah berjaya meningkatkan tahap profisiensi mereka sekurang-kurangnya satu band.

Selain itu, KPM juga melaksanakan program **English Teaching Assistance** (ETA) yang melibatkan 225 orang *full bright scholars* di 100 buah sekolah. Manakala, seramai 360 **penutur jati** (*native speakers*) telah ditempatkan di 1,800 sekolah bagi

membantu 5,000 guru bahasa Inggeris semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran. Melalui program **Teach For Malaysia (TFM)** pula, seramai 240 orang fellow dari Universiti terkemuka dunia seperti Universiti Oxford, Cambridge, Harvard dan sebagainya mengajar di sekolah-sekolah Kementerian seluruh negara.

Kementerian juga melaksanakan intervensi seperti program Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris Sijil Pelajaran Malaysia (PPPBI SPM) yang dilaksanakan bagi menyokong dasar wajib lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai 2016. Kumpulan sasaran program ini ialah murid Tingkatan 3 hingga 5 di 1,191 **sekolah 'hotspots'**, di mana peratus gagal dalam peperiksaan SPM Bahasa Inggeris adalah 23 peratus ke atas. Program ini dilaksanakan merangkumi dua (2) komponen iaitu komponen dalam kelas (*Differentiated Teaching and Learning*) dan komponen luar kelas (OPS-English 2.0). Komponen dalam kelas membolehkan guru mengaplikasi metodologi dan pedagogi pembelajaran dengan membezakan antara murid berdasarkan kebolehan mereka supaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik, berkesan dan menyeronokkan murid.

Untuk meningkatkan keyakinan dan kemahiran murid berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, *Program Oral Proficiency in English for Secondary Schools* (OPS-English) sedang dilaksanakan di 827 sekolah seluruh Malaysia, khususnya sekolah di **luar bandar** yang berada dalam band 3 hingga band 6.

Bagi menangani isu **kekurangan guru opsyen Bahasa Inggeris** terutamanya di sekolah rendah dalam kawasan luar bandar, KPM telah dan sedang melaksanakan kursus *Intensive Course in English Language Teaching* (ICELT) di bawah Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO). Langkah yang diambil oleh KPM adalah bertujuan untuk memastikan penguasaan Bahasa Inggeris terus ditingkatkan dan mencapai tahap yang diharapkan.

NJM51

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK PROF. DR. SIM KUI HIAN
TARIKH : 1.7.2015

SOALAN:

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci tentang dasar penawaran dan pengambilan bagi program pendidikan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Awam, Diploma Perguruan Lepas dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di institusi perguruan, serta jumlah pengambilan penuntut dari Sarawak bagi tahun 2012, 2013 dan 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar penawaran dan pengambilan guru pelatih yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah dengan memenuhi syarat am dan temuduga khas, termasuklah untuk pelajar-pelajar Sarawak di kawasan pedalaman. Temuduga khas calon guru di kawasan pedalaman dilaksanakan agar KPM akan mendapat bekalan guru terus dari kawasan pedalaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2014/2015 terdapat seramai 2,724 (7.47 peratus) anak Sarawak yang memohon program pendidikan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di mana 984 (6.21 peratus) mempunyai PNGK 3.00 ke atas. Daripada jumlah ini, seramai 941 (6.52 peratus) adalah layak dan seramai 206 (6.54 peratus) mendapat tawaran.

Penawaran tempat di institusi pendidikan awam swasta kepada calon adalah berdasarkan kepada prinsip meritokrasi iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum. Dimaklumkan juga hanya calon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbang mengikut pilihan program pengajian yang dipohon berdasarkan kelayakan, minat, cita-cita dan kecenderungan calon.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI SYED IBRAHIM BIN KADER
TARIKH : 2.7.2015

SOALAN:

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 telah memberi kesan dalam peningkatan profesionalisme perguruan dan pencapaian pelajar sehingga hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Fokus gelombang pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 adalah mengubah sistem dengan menyokong guru dan memberi tumpuan terhadap kemahiran utama. Setiap satu aspek dalam lima (5) aspirasi sistem dan enam (6) aspirasi murid seperti yang dihasrat di dalam PPPM 2013 - 2025 telah mengalami perubahan positif dan telah menunjukkan hasil awal yang memberangsangkan ke arah peningkatan profesionalisme perguruan dan pencapaian murid secara keseluruhan.

Peningkatan standard pengajaran guru secara umumnya telah meningkat hasil bimbingan secara khusus terutama bagi mata pelajaran teras seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Guru juga telah didedahkan dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang menjadi teras kemahiran pengajaran abad ke-21 melalui latihan, bengkel, bimbingan dan modul dalam talian secara berterusan. Guru telah mula mengaplikasikan dan menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam usaha meningkatkan kualiti dan keberhasilan murid.

Kesedaran terhadap kepentingan menguasai Bahasa Inggeris (BI) dalam kalangan guru dan murid juga telah meningkat. Bagi memastikan guru dapat membantu murid meningkatkan penguasaan BI, guru opsyen BI telah melalui pengujian dan program peningkatan penguasaan BI secara berterusan. Sementara syarat pengambilan calon

guru opsyen BI juga telah dipertingkatkan iaitu mesti mendapat sekurang kurangnya 5A dalam Sijil Pelajaran Malaysia dan mesti mendapat gred A bagi mata pelajaran BI.

Melalui Program Transformasi Daerah, SISC+ dan SIPartner+ telah diberi latihan untuk meningkatkan kemahiran (*up-skilling*) dan dilaksanakan dari semasa ke semasa supaya mereka boleh menjadi agen untuk melatih dan memberi sokongan kepada guru dan pemimpin sekolah dari aspek PdP dan kepimpinan pendidikan yang berkesan.

Secara keseluruhan sebahagian besar inisiatif yang dilaksanakan telah menunjukkan kesan positif dengan peningkatan kualiti sekolah. Berdasarkan analisis kualiti sekolah berdasar *band* 2014, sebanyak 36 peratus sekolah telah berada dalam band 1 dan 2, sementara hanya 0.96 peratus sekolah yang berada dalam band 6 dan 7.

NJM53

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD
TARIKH : 2.7.2015

SOALAN:

Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan transformasi memperkasakan Institusi Perguruan seiring dengan perkembangan dan cabaran semasa termasuk penguasaan ilmu teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran penyelidikan (“Research and Development”) di samping menjadikan Institusi ini sebagai pusat latihan perguruan bertaraf dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) merupakan sebuah institusi yang memainkan peranan penting dalam menjayakan wawasan negara. Pembangunan modal insan yang mempunyai kaitan kukuh dengan peranan guru menjadi teras kepada perancangan dasar kerajaan yang juga turut terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

PPPM 2013-2025 telah menetapkan beberapa inisiatif bagi mentransformasi IPG agar menjadi institusi latihan guru bertaraf dunia. Untuk mencapai matlamat ini, IPGM akan melakukan rombakan dalam tujuh (7) kategori iaitu:

1. Memperkukuh saluran pengambilan guru pelatih;
2. Memantapkan kurikulum IPG;
3. Meningkatkan kualiti kepimpinan IPG;
4. Meningkatkan kualiti pensyarah;
5. Menaik taraf prasarana;
6. Meningkatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi; dan
7. Meningkatkan profil IPG.

Bagi memastikan calon latihan guru adalah dalam kalangan calon yang berjiwa guru, cergas, inovatif, boleh mengawal disiplin dan mempunyai kualiti yang baik, IPGM telah

melaksanakan penambahbaikan syarat dan kriteria pengambilan calon guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) mulai ambilan 2014. Ini sejajar dalam Gelombang 1, PPPM 2013-2025 yang menyatakan KPM akan mengetatkan syarat kemasukan ke IPG dengan menyasarkan 30 peratus pelajar cemerlang.

Seiring dengan PPPM, Hala tuju 'Transformasi IPG' ini adalah selaras dengan transformasi pendidikan negara dan latihan bidang keguruan ke arah penghasilan model insan yang mempunyai mentaliti kelas pertama dan menepati kehendakpasaran. Konsep Transformasi IPG merangkumi perubahan sistematik yang menjurus kepada pewujudan institusi pilihan (*preferred institution*), penghasilan graduat yang boleh diambil bekerja (*employable graduates*) dan pembinaan persepsi positif dalam kalangan masyarakat terhadap pendidikan guru di IPG. Aspek yang dicakupi melibatkan pemerkasaan dasar, penambahbaikan proses reka bentuk, penyampaian dan penilaian program, pembangunan kurikulum yang mantap, penjaminan kualiti program, pembangunan tenaga kerja yang kompeten, pelajar yang berkualiti, sumber dan fasiliti yang lengkap dan usaha inovasi yang berterusan.

NJM54

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK PROF. DR. SIM KUI HIAN

TARIKH : 2.7.2015

SOALAN:

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci tentang skop pengagihan bidang kuasa antara Kementerian Pendidikan pusat dengan Jabatan Pendidikan Sarawak, serta sejauhmana rancangan dan kesediaan Kementerian dalam memberikan bidang kuasa yang lebih luas kepada Jabatan Pendidikan Sarawak dalam aspek pembangunan sektor pendidikan di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua institusi pendidikan termasuklah kuasa melatih guru di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan serta pekeliling dan Arahan Kerajaan Persekutuan. Pada masa ini, peranan Jabatan Pendidikan Negeri adalah terhad skopnya dan lebih bersifat 'sokongan' kepada inisiatif yang dilaksanakan oleh KPM. Kuasa untuk membuat keputusan dasar dan operasional adalah berpusat di peringkat KPM.

Walau bagaimanapun, KPM telah mengorak langkah melaksanakan perwakilan kuasa kepada semua Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri termasuk Sabah dan Sarawak untuk melaksanakan projek pembangunan fizikal, perolehan perkhidmatan serta kerja penyelenggaraan sehingga RM5 juta, namun ianya masih tertakluk kepada prosedur kewangan yang berkuatkuasa. Perwakilan kuasa ini dapat memudahkan pengurusan projek pembangunan memandangkan keputusan boleh dibuat dengan cepat mengikut keperluan masa dan isu setempat. Selain menjimatkan masa, langkah ini juga mampu mengurangkan karenah birokrasi di setiap fasa pelaksanaan projek dan memperkukuhkan sistem penyampaian KPM dengan lebih baik.

NJM55

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' MUHAMMAD OLIAN B ABDULLAH
TARIKH : 2.7.2015

SOALAN:

Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian untuk menyediakan guru-guru yang mencukupi dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional sejajar; dan
- (b) adakah kursus-kursus yang ditawarkan di Kolej Vokasional berorientasikan pasaran masa kini dan masa hadapan untuk memastikan kebolehpasaran (employability) pelajar yang dihasilkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi keutamaan dalam menyediakan guru dalam pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (TVET) yang mencukupi dan kompeten. Langkah utama telah diambil oleh KPM untuk melatih dan memberi kemahiran kepada guru tersebut melalui program kolaboratif bersama Institiut Latihan Kemahiran Awam dan Swasta. Melalui program latihan ini, guru Kolej Vokasional (KV) dilatih di Institiut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT), Institiut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institiut Latihan Perindustrian (ILP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan lain-lain pusat kemahiran peringkat negeri. Ini dilaksanakan bagi memastikan bilangan guru serta pensyarah KV mencukupi dan mempunyai kompetensi untuk melayakkan mereka mengajar di KV. Buat masa sekarang KPM sedang giat melaksanakan latihan kemahiran guru serta pensyarah KV untuk Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 4 dan 5.

- (b) Kursus yang ditawarkan di KV adalah *industry-driven* yang telah mengambil kira keperluan tenaga mahir yang diperlukan oleh industri mengikut kajian keperluan tenaga mahir melalui koridor ekonomi negara oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Lulusan KV diharapkan berkeupayaan untuk memenuhi keperluan industri untuk masa hadapan. Kursus-kursus sedia ada yang ditawarkan di KV menggunakan kurikulum yang mengikut keperluan industri masa kini. Ini bagi memastikan pelajar mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi. Kurikulum yang diguna pakai di KV ialah Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV). Pembangunan KSKV adalah memenuhi *National Occupational Skills Standard* (NOSS) yang dikawal selia oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Di samping itu KSKV juga dibangunkan supaya memenuhi keperluan pensijilan antarabangsa. KSKV ini mengandungi pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang yang berkaitan selaras dengan keperluan dan kehendak industri selain melengkapkan murid dengan kemahiran insaniah (*soft skills*).

NJM56

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK YAHAYA BIN MAT GHANI
TARIKH : 6.7.2015

SOALAN:

Datuk Yahaya bin Mat Ghani minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar di setiap IPTA yang keciciran atau tidak menyambung pelajaran dari tahun 2013 sehingga Jun 2015 dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar keciciran di IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakang iaitu tahun 2012 sehingga 31 Oktober 2014 jumlah enrolmen pelajar adalah seramai 1.61 juta orang. Daripada jumlah ini, hanya 2.36 peratus pelajar warganegara sahaja yang berstatus berhenti atau diberhentikan. Dalam tempoh yang sama, wujudnya trend penurunan peratusan pelajar warganegara yang berstatus berhenti atau diberhentikan iaitu 2.89 peratus pada tahun 2012, 2.30 peratus pada tahun 2013 dan 1.98 peratus pada tahun 2014. Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar keciciran di IPTA adalah:

1. Memantau sistem kehadiran pelajar;
2. Mengadakan sistem pendamping siswa;
3. Mengadakan kursus pembelajaran;
4. Mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa yang mempunyai anak yang menghadapi masalah akademik;
5. Pemantauan berkala mengikut keputusan bersyarat;
6. Memberi peluang pelajar untuk mengambil semula peperiksaan;
7. membenarkan pelajar memperbaiki pencapaian akademik secara Ulang Gred (UG) dan
8. membenarkan pelajar gagal untuk mengambil semula kursus yang gagal.

NJM57

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. CHANDRA MOHAN A/L S. THAMBIRAJAH
TARIKH : 6.7.2015

SOALAN:

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan kanak-kanak yang dilaporkan dicabul oleh guru besar, guru-guru atau kakitangan sekolah yang lain untuk tahun-tahun 2013, 2014 dan 2015 serta tindakan yang telah diambil terhadap pesalah-pesalah ini dan juga nyatakan pelan tindakan untuk mencegah perbuatan sedemikian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada aduan yang dilaporkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), jumlah kes cabul terhadap murid sekolah yang melibatkan guru dari tahun 2013 hingga tahun 2015 adalah sebanyak tiga (3) kes.

Walaupun kes tersebut adalah terpencil, KPM tidak pernah berkompromi terhadap salah laku tersebut, dengan mengambil perhatian serius dan tindakan sewajarnya telah diambil, iaitu:

1. Melaporkan kes tersebut kepada pihak polis untuk tindakan sewajarnya.
2. Kes-kes guru yang dituduh mencabul telah dipanjangkan untuk tindakan tatatertib.
3. Guru yang dituduh mencabul telah ditukarkan ke sekolah lain.
4. Guru yang dituduh mencabul telah di'pool'kan di Pejabat Pendidikan Daerah.

NJM58

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' MUHAMMAD OLIAN B ABDULLAH
TARIKH : 6.7.2015

SOALAN:

Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan tenaga berpengalaman di sektor industri yang diambil sebagai pensyarah di universiti tempatan serta sejauh manakah pencapaian dan keberkesanan program itu dalam meningkatkan mutu pendidikan dan graduan yang dihasilkan oleh universiti tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa meletakkan pendidikan sebagai salah satu fokus utama negara. Ini kerana, kerajaan sedar bahawa keupayaan negara untuk melakukan transformasi adalah juga bergantung kepada kualiti sistem pendidikan negara.

Bagi memastikan sistem pendidikan tinggi menepati keperluan sektor industri, kerajaan sentiasa mengambil pendekatan untuk melibatkan industri dalam pembangunan dan pelaksanaan pendidikan tinggi antaranya adalah melalui pelantikan tokoh industri sebagai pensyarah universiti. Matlamat utama adalah untuk mengimbangi pembelajaran melalui buku teks kepada pembelajaran realiti melalui berdasarkan praktis dan pengalaman sebenar yang dilalui oleh tokoh industri tersebut.

Dari segi pengukuran keberkesanan program tersebut, KPM percaya bahawa program ini amat bermanfaat dalam menyediakan pelajar dengan persekitaran kerja sebenar bahkan turut memberi manfaat kepada sektor industri terutama dalam bentuk penjimatan kos kewangan, tenaga dan masa yang diperuntukkan untuk latihan dan sesi pengenalan kepada industri terlibat.

Atas faktor tersebut juga, KPM telah memperkenalkan Program CEO Fakulti, sebagai salah satu strategi untuk mewujudkan kecemerlangan bakat IPT dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2015 yang dilancarkan

baru-baru ini. CEO Fakulti merupakan program yang mengetengahkan sebagai *National Adjunct Professor* untuk berkongsi pengalaman di universiti dalam bentuk kuliah dan khidmat nasihat. Sebanyak 22 orang tokoh korporat terlibat dalam program CEO Fakulti pada masa ini antaranya:

1. Tan Sri Tony Fernandes - *Group CEO Air Asia.*
2. Tan Sri Dato' Azman bin Haji Mokhtar - *Managing Director Khazanah Nasional.*
3. Tan Sri Johan Jaafar, - *Independent Non Exec. Chairman Media Prima.*
4. Lee Sang Hoon, Presiden Samsung (M) - *World biggest phone manufacturer in the world.*
5. Michaela Dinboeck, President Novartis Corporation (M) – *World biggest pharmaceutical company in the world.*
6. Ms. Anna Braun, Presiden BBraun Medical industries (M) - *Top medical industries in the world.*
7. Abraham Liu Kang, CEO Huawei (M) - *Top 5 phone manufacturer company in the world.*

NJM59

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. NORLIZA BINTI ABDUL RAHIM

TARIKH : 6.7.2015

SOALAN:

Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah dasar dan program jangkamasa panjang bagi meningkatkan mutu dan kemahiran mengajar guru-guru di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan dasar latihan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi meningkatkan kualiti guru adalah berasaskan kepada Analisa Keperluan Latihan (TNA) dan pelaksanaan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB). TNA digunakan sebagai asas untuk menentukan kompetensi yang perlu dibangunkan bagi setiap guru. Manakala pelaksanaan latihan adalah bersesuaian dengan pelaksanaan PPB mengikut **Inisiatif Kendiri dan Inisiatif KPM**.

Inisiatif Kendiri merujuk kepada sebarang inisiatif atau aktiviti yang dilakukan sendiri oleh guru dalam usaha mereka untuk meningkatkan tahap profesionalisme masing-masing. Manakala Inisiatif KPM merujuk kepada aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan berasaskan keperluan dasar dan keperluan khusus oleh Ketua Jabatan peringkat KPM/Jabatan Pendidikan Negeri /Pejabat Pendidikan Daerah. Di samping itu, penilaian latihan juga dilaksanakan bagi meningkatkan profesionalisme guru yang memberikan impak langsung kepada keberhasilan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti pelajar institut pendidikan guru (IPG). Program pengajian IPGM akan dinilai semula setiap lima tahun. Berdasarkan penilaian tersebut kandungan program akan ditambah baik. Ini bagi memastikan pelajar-pelajar IPG mempunyai kompetensi dalam selaras dengan perkembangan terkini. Pada masa ini, Kurikulum Pendidikan Guru telah dimantapkan dengan keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 merangkumkan pengalaman

berasaskan sekolah, pendidikan inklusif, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan perkembangan terkini dalam pendidikan guru. Kemahiran penyelidikan juga diberi kepada bakal guru supaya mereka dapat membuat penyelidikan dalam bidang tugas mereka dan memanfaatkan hasil kajian mereka bagi tujuan penambahbaikan serta dapat berkongsi dengan rakan pendidik.

NJM60

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. HOU KOK CHUNG
TARIKH : 6.7.2015

SOALAN:

Dato' Dr. Hou Kok Chung minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan norma dan kriteria yang diguna pakai oleh Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Jabatan Penuntut Malaysia di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan Jabatan Penuntut Malaysia (JPM) atau *Malaysia Student Department* bermula di United Kingdom dan Eire semenjak kewujudan *Malayan Students Unit of the Colonial Office* pada awal Februari 1954. Unit berkenaan merupakan salah satu unit khas yang bertanggungjawab kepada perkara yang melibatkan kedatangan pelajar daripada negara Kolonial dan merdeka. Penubuhan JPM bertujuan untuk menjaga kebajikan pelajar Malaysia yang dihantar melanjutkan pengajian di luar negara.

Kriteria penubuhan Jabatan Penuntut Malaysia ialah seperti berikut:

1. Keperluan menjaga kebajikan pelajar daripada segi akademik, sosial, agama, kewangan termasuk menguruskan pembayaran elaun buku dan tesis, yuran pengajian, tiket penerbangan dan jati diri serta semangat patriotik;
2. Keperluan sebagai pusat maklumat setempat mengenai pengajian tinggi Malaysia untuk rujukan pelajar Malaysia, orang ramai, masyarakat luar negara dan agensi berkaitan pengajian tinggi;
3. Keperluan mempromosi pendidikan tinggi Malaysia di luar negara di samping untuk memperoleh pengiktirafan dan kolaborasi program pendidikan tinggi negara dalam usaha memenuhi aspirasi menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan global; dan

4. Keperluan menyediakan Dewan Malaysia di beberapa negara tertentu sebagai kemudahan pusat aktiviti dan penginapan 'short stay' dan 'long stay' para pelajar Malaysia di luar negara, dilengkapi dengan pelbagai kemudahan.

Berkuat kuasa pada Tahun 2011, 10 JPM dan empat (4) Pejabat Promosi Pendidikan Malaysia (*Malaysia Education Promotion Center*, MEPC) telah dijenama sebagai menjadi Education Malaysia (EM). Pada masa ini, terdapat sebanyak 13 buah pejabat EM dan 6 Dewan Malaysia yang dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

NJM61

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD
TARIKH : 6.7.2015

SOALAN:

Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) langkah Kementerian menangani kes buli terutamanya yang membabitkan pelajar yang menghuni di asrama ; dan
- (b) adakah Kementerian melihat kes-kes buli perlu dilaporkan kepada pihak polis dan diklasifikasikan sebagai kes jenayah juvana sebagai iktibar kepada pelajar yang menjadi pembuli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius dan sentiasa memantau disiplin murid bagi memastikan kes buli tidak berleluasa di semua sekolah termasuklah di sekolah berasrama. Langkah yang diambil oleh KPM bagi menghalang berlakunya kejadian buli adalah mengeluarkan **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil 8/2010 Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah** dan **Surat Siaran KPM Bil. (16) Tahun 2009: Ketegasan Menangani Tingkah Laku Samseng Dalam Kalangan Murid**. KPM juga telah mengeluarkan **Surat Siaran Pematuhan Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli** yang menekankan pihak pengurusan sekolah secara berterusan membudayakan amalan penyayang dalam kalangan murid sama ada di sekolah atau di asrama. Di samping itu, Modul Intervensi Buli telah dihasilkan bagi menjalankan intervensi buli di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Berdasarkan garis panduan tersebut, sekolah perlu mengadakan peti aduan murid atau saluran aduan murid, dan menubuhkan jawatankuasa disiplin sekolah dan

asrama agar dapat menyasat, meneliti serta mengambil tindakan segera terhadap setiap aduan yang dibuat oleh murid atau pihak berkepentingan. Sesebuah sekolah dikehendaki menghapuskan budaya tertentu oleh murid yang berlawanan dengan prinsip pendidikan, akhlak dan usaha memupuk budi pekerti yang baik dalam kalangan murid sekolah. Sekiranya sekolah dan asrama ada melaksanakan aktiviti orientasi atau suai kenal terhadap murid baru, maka aktiviti tersebut hendaklah berada di bawah kawalan guru sepenuhnya. Bagi sekolah berasrama, kewujudan guru/warden hendaklah dapat dirasai oleh penghuninya sepanjang masa.

Kempen dan penjelasan terhadap kesan perbuatan buli dilaksanakan secara berterusan dan boleh melibatkan pihak luar seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) atau pihak lain yang difikirkan berkaitan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes buli yang berlaku di sekolah dilaporkan kepada pihak polis oleh pentadbir sekolah. Kes buli ini diklasifikan sebagai salah laku disiplin murid dan direkodkan di dalam Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM). Seterusnya tindakan disiplin dikenakan ke atas murid yang melakukan buli oleh pihak pentadbir sekolah.

NJM62

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TAN SRI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
TARIKH : 6.7.2015

SOALAN:

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah rendah dan sekolah menengah yang mempunyai capaian jalur lebar 50 Mbps, capaian jalur lebar 2-4 Mbps dan capaian jalur lebar 4-10 Mbps di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini bilangan sekolah yang capaian lebar jalur antara empat (4) hingga 10Mbps ialah sebanyak 6,678 buah sekolah, yang melibatkan 4,690 sekolah rendah dan 1,988 sekolah menengah. Manakala bagi capaian jalur lebar dua (2) hingga empat (4) Mbps adalah sebanyak 3,466 buah sekolah iaitu 3,070 sekolah rendah dan 396 sekolah menengah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 10 buah sekolah berasrama penuh yang terlibat di bawah projek *School of Global Excellence* telah mempunyai capaian jalur lebar sehingga 50Mbps.

NJM63

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' ADAM BIN ABDUL HAMID
TARIKH : 6.7.2015

SOALAN:

Dato' Adam bin Abdul Hamid minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setelah menyedari bahawa dengan pelbagai aliran sekolah yang terdapat di Malaysia telah menyebabkan rakyatnya rapuh di segi perpaduan dan kecintaan kepada negara, berhasrat untuk mewujudkan satu sekolah aliran nasional sahaja dengan semua bahasa-bahasa utama diajar di sekolah nasional itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan cadangan untuk memperkenalkan sistem pendidikan sekolah satu aliran memerlukan perbincangan yang lebih khusus dan perlu mendapat pandangan dan persetujuan daripada pelbagai pihak.

Buat masa ini, KPM masih mengekalkan dasar sedia ada memandangkan penekanan terhadap budaya integrasi nasional dan perpaduan dalam pendidikan yang dilaksanakan oleh KPM sekarang masih relevan. Dasar Pendidikan Kebangsaan telah melaksanakan beberapa strategi, antaranya :

1. Menggunakan Kurikulum Kebangsaan di semua sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan;
2. Menjadikan Bahasa Kebangsaan bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan;
3. Mewajibkan Bahasa Kebangsaan diajar di institusi yang bahasa pengantar utama bukan Bahasa Kebangsaan;
4. Memperkenalkan mata pelajaran Sejarah dari peringkat sekolah rendah lagi;
5. Menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di sekolah menengah dan mata pelajaran wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai 2014;

6. Memperkukuhkan pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT);
7. Mengadakan pengajaran Bahasa Etnik di sekolah jika didapati munasabah dan praktikal berbuat demikian serta mematuhi dasar pendidikan; dan
8. Memastikan setiap aktiviti kokurikulum mengikut komposisi kaum.

Di samping itu, KPM telah menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil bagi menarik pelbagai kaum untuk bersekolah di Sekolah Kebangsaan; memperkenalkan program Sekolah Wawasan yang menempatkan dua atau tiga aliran sekolah rendah di dalam satu kompleks; dan juga melaksanakan program Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang merupakan program yang melibatkan pelaksanaan aktiviti secara bersama di antara sekolah pelbagai aliran agar nilai integrasi dan semangat perpaduan kaum dapat dipupuk dalam kalangan murid sekolah.

NJM64

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. BATHMAVATHI KRISHNAN
TARIKH : 6.7.2015

SOALAN:

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada guru pendidikan khas di maktab dan IPT diberi latihan yang diperlukan demi mengupayakan mereka dengan kemahiran untuk mereka membuat intervensi dan mengajar pelajar sindrom down, cerebral palsy, dyslexia, autism serta pelajar yang mempunyai masalah pertuturan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Pendidikan Guru (IPG) menawarkan kursus intervensi awal dan khidmat sokongan kepada pelajar program Ijazah Sarjana Muda bidang Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran, Masalah Penglihatan dan Masalah Pendengaran. Kursus ini ditawarkan kepada pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Khas supaya pelajar didedahkan tentang program intervensi awal kanak-kanak berkeperluan khas. Di akhir kursus tersebut pelatih akan dapat:

1. Menjelaskan konsep dan peranan intervensi awal untuk kanak-kanak berkeperluan khas.
2. Menerangkan komponen penting dalam intervensi awal berdasarkan jenis masalah yang dialami.
3. Menghuraikan program dalam intervensi awal.
4. Menganalisis jenis khidmat sokongan mengikut keperluan khas individu.
5. Merancang program intervensi awal dan khidmat sokongan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Universiti Awam, Latihan Guru Pendidikan Khas ditawarkan bagi tujuan mengupayakan mereka dengan kemahiran untuk membuat intervensi dan mengajar pelajar melalui kaedah seperti berikut:

1. Kandungan kurikulum dan silibus yang mantap kerana bakal guru perlu melalui sesi *internship* sebanyak enam (6) kali dan mereka diberi pendedahan yang cukup mengenai kanak-kanak yang berkeperluan khas;
2. Penerapan elemen intervensi dalam setiap mata pelajaran semenjak dari kursus 2 tahun pertama. Sebagai contoh, penawaran Kursus PPK201 Pengesanan dan Penilaian Kanak-Kanak Khas yang mendedahkan bakal guru untuk mengesan, menilai dan turut mendedahkan bagaimana untuk membuat intervensi awal; dan
3. Penempatan bakal guru di sekolah selama sebulan untuk melihat, memerhati dan belajar daripada guru di sekolah tentang bagaimana untuk berhadapan dan membuat intervensi kepada kanak-kanak khas melalui penawaran kursus PPK290 Internship Pendidikan Khas

Bagi kursus yang lain, setiap pensyarah turut memberi penekanan terhadap intervensi awal kerana ia merupakan perkara yang paling utama dalam berhadapan dan mendidik kanak-kanak khas. Walau bagaimanapun, bagi kategori keperluan khas yang melibatkan neurologi atau saraf seperti *cerebral palsy*, ia perlu diberi intervensi oleh pakar perubatan kerana memerlukan beberapa peralatan sokongan.

NJM65

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK S. VIGNESWARAN A/L M. SANASEE
TARIKH : 7.7.2015

SOALAN:

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai cadangan Sultan Johor untuk mengikut kaedah pendidikan Singapura dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa tunggal, yakni Bahasa Inggeris. Adakah pihak Kementerian bakal mengadaptasi cadangan Tuanku Sultan Ibrahim Ismail dan menjalankan pembaharuan semula dalam sistem pendidikan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan tujuan menghasilkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya demi mencapai aspirasi negara Malaysia seperti yang dihasratkan di bawah Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dasar Pendidikan Kebangsaan tersebut dilaksanakan melalui suatu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, Kurikulum Kebangsaan dan peperiksaan yang sama digunakan di semua institusi pendidikan.

Seksyen 17 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan. Seksyen 18 Akta yang sama memperuntukkan Kurikulum Kebangsaan yang hendaklah digunakan di semua institusi pendidikan. Kurikulum Kebangsaan tersebut menentukan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang akan diperoleh oleh murid pada akhir tempoh persekolahan masing-masing.

Merujuk kepada cadangan Ke-Bawah DYMM Sultan Johor untuk mengikut kaedah pendidikan Singapura dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa tunggal, yakni Bahasa Inggeris, sebarang perubahan khususnya berkaitan bahasa pengantar utama hendaklah merujuk kepada Akta Pendidikan 1996 serta dasar yang sedang berkuat kuasa.

Namun, KPM telah mempunyai rancangan jangka panjang bagi meningkatkan sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Melalui pelan tersebut, pelbagai inisiatif telah dan sedang diambil bagi meningkatkan profisiensi Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid.

NJM66

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. HAJI ABDUL SHUKOR BIN MOHD SULTAN

TARIKH : 7.7.2015

SOALAN:

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang memasukkan perkara berkaitan kesihatan seperti HIV, AIDS dan denggi serta langkah-langkah untuk mengatasi kecemasan seperti CPR dan cara menghubungi pihak berkuasa dalam sistem pengajaran pelajar sekolah terutamanya di peringkat pra sekolah dan juga sekolah rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan kurikulum Pendidikan Kesihatan di sekolah menengah sejak tahun 1989, dan di sekolah rendah sejak tahun 1994 yang merangkumi pengajaran dan pembelajaran pelbagai perkara berkaitan kesihatan topik seperti HIV, AIDS dan denggi serta langkah untuk mengatasi kecemasan seperti CPR dan cara menghubungi pihak berkuasa ketika situasi kecemasan. Aspek ini dimasukkan dalam penggubalan kurikulum berdasarkan kepada tahap perkembangan kognitif murid.

KPM juga telah melaksanakan program pendidikan pencegahan dadah, rokok, inhalan dan HIV di semua sekolah rendah menerusi aktiviti pendidikan pencegahan secara umum yakni kepada semua murid di sekolah rendah dan sekolah menengah. Semua murid akan mendapat maklumat bahaya dadah, rokok, inhalan, alkohol dan HIV menerusi pelbagai aktiviti di dalam kurikulum, kokurikulum dan pembangunan sahsiah. Di samping itu, KPM juga menjalankan kerjasama dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Kesihatan, Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) dan organisasi bukan kerajaan (NGO) seperti PEMADAM untuk menyebarkan maklumat bahaya dadah kepada murid.

Pendidikan berkaitan denggi dan penyakit yang boleh dijangkiti oleh nyamuk telah dimasukkan dalam mata pelajaran Sains dan Pendidikan Kesihatan di sekolah. Aktiviti pencegahan denggi juga dilaksanakan secara praktikal dalam aktiviti 'cari dan musnah' semasa waktu perhimpunan di sekolah.

Langkah-langkah mengatasi kecemasan seperti CPR juga telah didedahkan dalam Pendidikan Kesihatan. Selain dari itu, pendedahan berkaitan kecemasan juga dilaksanakan dalam aktiviti kokurikulum badan beruniform.

NJM67

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. SHAHANIM BINTI MOHAMAD YUSOFF
TARIKH : 7.7.2015

SOALAN:

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sambutan dan penyertaan sekolah pondok setakat ini yang didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan senaraikan nama sekolah pondok itu mengikut negeri masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, tiada Sekolah Pondok yang layak didaftarkan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Ini disebabkan mereka tidak memenuhi syarat dan kriteria pendaftaran SABK. Antara kriteria utama KPM untuk mempertimbangkan permohonan pendaftaran sesebuah sekolah sebagai SABK ialah melaksanakan Kurikulum Kebangsaan seperti yang ditetapkan oleh Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

NJM68

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. CHANDRA MOHAN A/L S. THAMBIRAJAH

TARIKH : 7.7.2015

SOALAN:

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Bandar Mahkota Cheras akan dibina dan sebab-sebab kelewatan untuk memulakan projek ini serta nyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina lebih banyak sekolah Tamil di Selangor bagi menampung permintaan yang semakin meningkat khususnya di kawasan pembangunan baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Bandar Mahkota Cheras telah diluluskan dalam *Rolling Plan* ke-4, 2014 dan sedang dalam proses pra bina. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan bagi pembinaan SJKT baharu atau memindahkan SJKT Sekolah Kurang Murid (SKM) ke kawasan permintaan tinggi termasuk di negeri Selangor adalah berdasarkan justifikasi berikut :

1. kawasan yang mempunyai penduduk masyarakat India yang ramai;
2. Terdapat keperluan jangka panjang pembinaan SJKT di kawasan tersebut;
3. Mempunyai permohonan daripada komuniti setempat;
4. Mempunyai tapak pendidikan yang sesuai di kawasan yang dicadangkan; dan
5. Kemampuan semasa kewangan Kerajaan/ ada jaminan pihak *stake holder* untuk membiayai kos pembinaan.

NJM69

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD. SALIM BIN SHARIF
TARIKH : 7.7.2015

SOALAN:

Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah pihak Kementerian dalam membantu pihak kontraktor bekalan memasak di sekolah yang rosak teruk akibat banjir besar yang berlaku di negeri Kelantan awal tahun 2015 sedangkan tempoh kontrak mereka masih lagi berjalan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa selepas berlakunya kejadian banjir besar tempoh hari, banyak kerosakan berlaku termasuklah di dewan makan dan asrama sekolah. Walau bagaimanapun isu kerosakan tersebut telah dibaik pulih oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Sebarang kerosakan peralatan di dewan makan seperti dapur, *trolley*, *freezer* dan sebagainya telah dapat diselesaikan oleh pihak sekolah dan pembekal makanan bermasak.

KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan sentiasa memantau perkembangan isu ini melalui perundingan dengan pihak pembekal dan juga sekolah bagi membolehkan kontrak bekalan memasak sekolah di negeri Kelantan tetap berjalan seperti biasa serta memastikan pihak kontraktor mematuhi skop dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak.

NJM70

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH
TARIKH : 7.7.2015

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kerajaan akan mempertimbangkan satu mata pelajaran khusus untuk pengenalan dadah atau memasukkan maklumat dadah di dalam buku-buku teks sekolah sebagai pendidikan awal dengan penekanan yang lebih serius.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan kurikulum Pendidikan Kesihatan di sekolah menengah sejak tahun 1989, dan di sekolah rendah sejak tahun 1994. Pendedahan mengenai bahaya dadah diberikan kepada murid sekolah menerusi tajuk salah guna bahan yang meliputi bahaya dadah dalam subjek Pendidikan Kesihatan berdasarkan kepada tahap perkembangan kognitif murid di sekolah.

KPM juga menyebarkan maklumat bahaya dadah menerusi aktiviti Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) yang dijalankan di semua sekolah seluruh negara. Program usahasama antara KPM dengan agensi kerajaan serta bukan kerajaan juga diadakan dari semasa ke semasa bagi tujuan kesedaran terhadap bahaya dadah kepada individu, keluarga dan masyarakat Malaysia.

NJM71

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK HAJAH NORIAH BINTI MAHAT****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Datuk Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Guru Bahasa Inggeris tempatan tidak mencukupi dan apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pengambilan calon guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan di Institusi Pendidikan Guru (IPG) adalah berdasarkan unjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Buat masa ini, KPM telah menempatkan seramai 12,682 orang guru terlatih bagi opsyen Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah dan seramai 37,184 orang di Sekolah Rendah.

Walaupun bagaimanapun masih terdapat kekosongan bagi opsyen tersebut sebanyak dua (2) peratus dari jumlah keperluan. Kekosongan ini dijangka dapat diisi dengan penempatan guru baharu apabila mendapat bekalan. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, penempatan dan pertukaran guru dilaksanakan berdasarkan keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan secara berperingkat-peringkat. Sehubungan dengan itu, KPM akan sentiasa memastikan setiap kekosongan di sekolah diisi supaya jumlah guru berdasarkan opsyen mencukupi di semua sekolah.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK HAJI YUNUS BIN HAJI KURUS

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan inisiatif diambil bagi memartabatkan kembali penggunaan tulisan jawi terutama menerapkan kemahiran membaca dan menulis di kalangan generasi muda tanpa mengira latar belakang kaum dan agama.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan aktiviti-aktiviti dalam memperkasakan tulisan jawi di institusi pendidikan peringkat rendah dan menengah, antaranya:

1. Membina modul pemulihan jawi dengan lebih mudah dan menarik untuk murid yang lemah jawi.
2. Pendekatan baharu Program j-QAF untuk memulih murid yang lemah bukan melalui kelas pemulihan tetapi melalui Kem Pemulihan Jawi yang dirancang dan diatur dengan lebih sistematik.
3. Salah satu item soalan Pendidikan Islam dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berkaitan secara langsung dengan kemahiran dan penguasaan dalam tulisan jawi.
4. Buku Teks Pendidikan Islam, Pendidikan Syariah Islamiah dan Pendidikan Quran dan Sunnah dikekalkan dalam tulisan jawi.

Untuk makluman ahli yang terhormat, KPM tidak menghalang untuk murid bukan Islam mempelajari Bahasa Arab Elektif. Situasi ini secara tidak langsung juga telah memperkenalkan tulisan huruf jawi kepada murid bukan Islam yang berminat.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATO' DR. JOHARI BIN MAT****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian dalam menangani isu kekurangan tenaga pengajar yang berkemahiran dan ketidaksepadanan (*mismatch*) dalam pengagihan guru mengikut pilihan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil tindakan bagi mengatasi isu ketidaksepadanan dalam pengagihan guru mengikut pilihan dengan cara menempatkan guru baharu berdasarkan kepada keperluan opsyen dan melaksanakan penempatan semula bagi guru dalam perkhidmatan.

KPM akan memastikan penempatan dan pertukaran guru dilaksanakan berdasarkan keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan secara berperingkat-peringkat. Sehubungan dengan itu, KPM akan sentiasa memastikan setiap kekosongan di sekolah diisi supaya jumlah guru berdasarkan opsyen mencukupi di semua sekolah.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : PUAN HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menubuhkan sekolah-sekolah agama aliran teknik dan vokasional selain daripada aliran teknik dan vokasional yang ada sekarang.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi penekanan kepada bidang teknikal, vokasional dan kemahiran supaya dapat menyediakan modal insan yang berkemahiran tinggi dan mampu bersaing dalam teknologi global serta menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. KPM amat mengalu-alukan cadangan tersebut, tetapi buat masa ini KPM belum berhasrat untuk menubuhkan sekolah agama aliran teknik dan vokasional. Untuk makluman Yang Berhormat, KPM sentiasa membuat kajian keperluan mengikut kesesuaian kursus dan keperluan industri serta pembangunan rakyat dan negara Malaysia.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : PUAN HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar keciciran pelajar di sekolah rendah dan menengah mengikut negeri.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kadar tamat murid Tahun Enam bagi tahun 2001 hingga tahun 2013 berada pada paras melebihi 95 peratus. Kadar tertinggi dicatatkan pada tahun 2013 (99.17 peratus) dan kadar terendah pada tahun 2003 (95.74 peratus). Dapatan ini menunjukkan tidak berlaku peningkatan ketara keciciran bagi pendidikan sekolah rendah sepanjang tempoh 2001 hingga 2013. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif menyediakan pendidikan yang berkualiti ke arah kelestarian pendidikan dengan meningkatkan kualiti program sekolah, meningkatkan taraf infrastruktur sekolah dan memantapkan kualiti guru bagi meningkatkan Kadar Tamat Murid Tahun 6.

Manakala, kadar keciciran murid Sekolah Menengah dalam sistem persekolahan di negara ini adalah kecil berbanding jumlah keseluruhan murid bagi sesuatu kohort. Berdasarkan data pada tahun 2001 hingga 2013, didapati peratus murid sekolah menengah yang tidak meneruskan persekolahan menurun daripada 3.31 peratus (2001) kepada 2.45 peratus (2013).

KPM berusaha melaksanakan langkah khusus bagi menggalakkan peningkatan enrolmen pendidikan menengah menjelang tahun 2020. Langkah ini termasuk menjalankan program intervensi kepada murid yang dijangka berisiko untuk tercicir di semua sekolah.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN CHANDRA MOHAN A/L S. THAMBIRAJAH

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menukar semua 524 sekolah vernakular Tamil kepada sekolah sepenuhnya dibiayai oleh Kerajaan dan jika ya, bilakah inisiatif ini akan selesai.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada halangan untuk menukar status Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) kepada sekolah bantuan kerajaan (SBK) kepada sekolah kerajaan (SK) jika ada permohonan daripada pihak sekolah dan menepati syarat menukar status sekolah. Malahan KPM telah mengeluarkan surat tawaran pertukaran status Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) kepada SK **KP(BPPDP) S.700/099 Jld. 13 (59) bertarikh pada 1 Julai 2014** kesemua SJKT melalui Pengarah Pendidikan Negeri supaya sekolah boleh membuat permohonan kepada KPM jika mereka berhasrat untuk menjadi SK.

Untuk makluman Ahli yang terhormat, dasar KPM dalam penukaran status SBK kepada SK adalah terbuka kepada semua SBK termasuk SJKT dan perlu dilakukan oleh pentadbir sekolah dengan mendapat persetujuan seratus peratus ibu bapa, Lembaga Pengelola Sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah tersebut supaya tiada unsur paksaan berlaku dalam proses pertukaran status ini.

KPM juga telah melaksanakan kajian kepada semua SJKT bagi mengumpulkan maklumat terperinci berkaitan pemilikan tapak dan sekolah serta membuat lawatan pengesahan ke sekolah-sekolah yang dikenal pasti untuk mengadakan musyawarah (*engagement*) dengan komuniti setempat.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN CHANDRA MOHAN A/L
S. THAMBIRAJAH**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bilangan mahasiswa-mahasiswi di setiap Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk tahun 2015-2016 dengan pecahan mengikut kursus, jantina dan bangsa.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Seramai 727,783 orang pelajar yang mengikut pengajian di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) termasuk universiti awam, politeknik dan kolej komuniti pada tahun 2014 di mana 40.7 peratus adalah pelajar lelaki dan 59.3 peratus pelajar perempuan. Daripada jumlah tersebut, jumlah pelajar mengikut bidang pengajian adalah sebanyak 32 peratus bagi **Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan**; 26.8 peratus bagi **Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan**; 14.4 peratus bagi **Sains, Matematik dan Komputer**; 7.7 peratus bagi **Sastera dan Kemanusiaan**; 4.6 peratus bagi **Perkhidmatan**; 2.3 peratus bagi **Pertanian dan Veterinar**; dan 0.1 peratus bagi **Program Asas**. Di samping itu, sebanyak 7.2 peratus mengikut pengajian dalam bidang **Pendidikan** dan 4.9 peratus **dalam bidang Kesihatan dan Kebajikan** yang ditawarkan di universiti awam.

Manakala, bilangan mengikut bangsa pada tahun 2014 adalah sebanyak 84.2 peratus pelajar Bumiputera dan 12 peratus pelajar bukan Bumiputera yang terdapat di IPTA. Selebihnya, iaitu sebanyak 3.8 peratus adalah pelajar antarabangsa di universiti awam.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK S.VIGNESWARAN A/L
M. SANASEE**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan samada terdapat sebarang langkah pelaksanaan reformasi sistem pendidikan yang bakal diadakan untuk melahirkan anak muda yang merdeka minda, berdikari, inovatif dan mampu berfikir kritis. Tindakan sebegini bakal melahirkan generasi berdaya saing. Sistem pendidikan kini hanya akan mampu melahirkan generasi yang sekadar bergantung kepada pihak berkuasa tanpa sifat daya maju.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Di bawah Lonjakan 1 iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM(PT)], Kementerian percaya akan dapat melahirkan graduan yang boleh berfikir secara kritikal, inovatif dan berkemahiran dalam menyelesaikan masalah serta berciri keusahawanan. Dengan menerapkan minda keusahawanan dalam sistem pendidikan, graduan dilatih agar menjadi penjana pekerjaan (*job creator*) berbanding pencari pekerjaan. Hasrat ini dapat direalisasikan dengan membangunkan kurikulum yang lebih holistik dan bersepadu, serta menambah baik ekosistem pembangunan pelajar dengan:

1. **Mereka bentuk sistem purata nilai gred kumulatif (CGPA) bersepadu** untuk menaksir pencapaian pelajar yang bersifat holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.
2. Sistem baharu ini tidak hanya mentaksir pengetahuan dan kemahiran berfikir (sebagaimana amalan sekarang), malah atribut utama lain yang merangkumi aspirasi pelajar; etika dan kerohanian; kemahiran kepimpinan; jati diri kebangsaan; dan penguasaan berbahasa.

3. **Mewujudkan peluang kepada pelajar dan staf akademik untuk menguasai kemahiran keusahawanan** menerusi cuti sabbatical, sangkutan industri, inkubator perniagaan dan dasar laluan istimewa kepada perniagaan yang dipelopori pelajar.
4. **Menambah baik pengalaman pembelajaran pelajar** dengan memperluas kolaborasi industri dalam merangka kurikulum dan melaksanakan program akademik; meningkatkan pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran berasaskan perkhidmatan; dan memanfaatkan penggunaan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan pelajar (*personalised learning*).